PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2010

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9% pada suku kedua

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.9% pada suku kedua 2010, didorong oleh pengembangan yang berterusan permintaan dalam negeri dan pertumbuhan yang terus kukuh dalam permintaan luar. Permintaan dalam negeri yang lebih kukuh adalah disebabkan oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam yang lebih tinggi, sementara pengembangan permintaan luar negeri merangsang pengeluaran dalam negeri. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus mencatat pertumbuhan kukuh pada suku tersebut, dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan kekal kukuh pada suku kedua (pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku kedua, permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 9% (S1 10: 5.3%), disebabkan terutamanya oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan perbelanjaan sektor perniagaan dan awam yang terus bertambah baik. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.9% (S1 10: 5.1%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, inflasi yang secara relatif rendah dan paras pendapatan yang terus meningkat dalam keadaan keyakinan pengguna yang terus positif. Sektor awam menyumbang kepada pertumbuhan melalui penggunaan awam yang mengembang sebanyak 6.9% pada suku itu berikutan perbelanjaan bagi emolumen yang lebih tinggi. Pembentukan modal tetap kasar juga meningkat dan mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 12.9% (S1 10: 5.4%), hasil sokongan aktiviti pelaburan sektor swasta yang terus bertambah baik dan perbelanjaan modal sektor awam yang mapan. Perbelanjaan modal sektor swasta terus mendapat manfaat daripada pengeluaran dalam negeri dan eksport yang secara relatif kukuh. Selain itu, perbelanjaan modal sektor awam menjadi pendorong tambahan kepada ekonomi dalam negeri, dengan sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan disalurkan ke dalam sektor pendidikan dan pengangkutan.

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama mencatat pengembangan ketara pada suku kedua, dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor perkilangan berkembang pada kadar yang mapan sebanyak 15.9% (S1 10: 17%), dengan pertumbuhan yang menyeluruh merentas semua kelompok. Sektor perkhidmatan pula meningkat dengan kukuh sebanyak 7.3% (S1 10: 8.5%), disokong terutamanya oleh prestasi kukuh subsektor perdagangan borong dan runcit; kewangan dan insurans; dan pengangkutan dan penyimpanan. Sektor pembinaan berkembang sebanyak 4.1% pada suku tersebut (S1 10: 8.7%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh subsektor bukan kediaman. Pertumbuhan sektor pertanian menjadi sederhana kepada 2.4% (S1 10: 6.8%) disebabkan oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih rendah. Sektor perlombongan pula mencatat pertumbuhan sebanyak 1.9% (S1 10: 2.1%) disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dalam keadaan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat 1.6% pada kadar tahunan pada suku kedua (S1 10: 1.3%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga *makanan dan minuman tanpa alkohol* (S2 10: 2.4%; S1 10: 1.4%).

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan mengecil kepada RM23.4 bilion pada suku kedua (S1 10: RM38.9 bilion) memandangkan import kasar meningkat lebih cepat berbanding eksport kasar. Eksport kasar berkembang sebanyak 21.7% (S1 10: 30.7%), hasil permintaan yang kukuh terhadap keluaran E&E dan permintaan eksport yang berterusan terhadap keluaran bukan E&E dan mineral, khususnya dari negara serantau. Sementara itu, import kasar berkembang pada kadar yang teguh sebanyak 30.3% (S1 10: 35.1%), didorong terutamanya oleh peningkatan kukuh dalam import barangan pengantara dan barangan modal. Kenaikan import barangan pengantara adalah sejajar dengan pertumbuhan eksport perkilangan, manakala import barangan modal yang lebih tinggi pula mencerminkan aktiviti perbelanjaan modal dalam negeri yang bertambah baik. Selain itu, pengembangan import penggunaan juga didorong oleh import makanan dan minuman serta kenderaan bermotor, seiring dengan penggunaan swasta yang lebih baik.

Pada asas tunai, aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)[1] kasar berjumlah RM4.7 bilion pada suku kedua (S1 10: RM4.9 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM1.8 bilion (S1 10: +RM0.2 bilion). Pada suku tersebut, FDI disalurkan terutamanya ke dalam industri elektrik dan elektronik serta industri berkaitan petroleum. Pelaburan langsung luar negeri bersih oleh syarikat Malaysia berjumlah RM2.5 bilion pada suku kedua (S1 10: -RM3.2 bilion) dan ini terutamanya untuk pelaburan dalam sektor perkhidmatan serta minyak dan gas. Sementara itu, aliran masuk pelaburan portfolio berterusan pada suku kedua dan berjumlah RM6.6 bilion (S1 10: +RM3.8 bilion) disebabkan oleh penyertaan asing yang ketara dalam sekuriti hutang.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM309.8 bilion (bersamaan dengan USD94.8 bilion) pada 30 Jun 2010, dan RM310.6 bilion (bersamaan dengan USD95 bilion) pada 30 Julai 2010. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas masing-masing pada bulan Mei dan Julai 2010. Kenaikan OPR dilaksanakan untuk mencerminkan prospek ekonomi negara yang bertambah baik dan mengembalikan keadaan monetari ke kedudukan yang lebih wajar. Pada kadar baharu 2.75% ini OPR kekal akomodatif dan dianggap wajar dan konsisten dengan penilaian mengenai pertumbuhan dan inflasi.

Susulan kenaikan OPR pada 4 Mac dan 13 Mei 2010, kadar antara bank semalaman purata dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain adalah lebih tinggi. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas purata dan kadar pinjaman purata telah dinaikkan. Sejajar dengan itu, kadar deposit tetap purata juga meningkat.

[1] Statistik bagi FDI tidak termasuk perolehan tertahan.

Aktiviti pembiayaan terus bertambah baik memandangkan pembiayaan terus tersedia untuk kesemua segmen ekonomi. Keadaan monetari yang akomodatif menyokong aktiviti pembiayaan. Tambahan lagi, aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus bertambah baik telah mendorong lagi permintaan sektor swasta terhadap pembiayaan. Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM203.4 bilion pada suku kedua. Pembiayaan kasar yang tinggi ini adalah berikutan pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi. Pembiayaan kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus berkembang pada suku kedua.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran modal berjumlah RM17.6 bilion (S1 10: RM22.6 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh sektor swasta adalah melalui terbitan sekuriti hutang swasta (Private Debt Securities, PDS). Bagi sektor awam, dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sukuk.

Agregat monetari terus berkembang dengan mapan pada suku kedua. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 8.8% pada akhir bulan Jun 2010 (akhir bulan Mac 2010: 8.7%).

Pada suku kedua, ringgit menambah nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan dolar AS berikutan tanda-tanda pemulihan ekonomi di rantau ini yang semakin jelas yang telah menggalakkan lagi sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (10.2%) dan paun sterling (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-4.8%). Euro menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang lain berikutan kebimbangan terhadap isu hutang Kerajaan di beberapa negara di kawasan euro. Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.1% hingga 8.8%.

Sektor kewangan terus berdaya tahan

Kestabilan kewangan terus utuh sepanjang suku kedua disokong oleh kedudukan permodalan institusi kewangan yang kukuh. Aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Meskipun pasaran kewangan menunjukkan sedikit turun naik berikutan perkembangan berkaitan dengan krisis hutang Kerajaan di beberapa negara di Eropah, keadaan pasaran dalam negeri kekal baik.

Nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras sistem perbankan masing-masing pada 14.8% dan 12.9% dengan nilai penampan kewangan melebihi RM60 bilion. Pinjaman tak berbayar bersih (termasuk pinjaman terjejas) mencakupi 2.2% daripada pinjaman bersih. Peruntukan bagi kerugian pinjaman adalah lebih daripada mencukupi dan melebihi 90%. Keuntungan sebelum cukai terus dicatat pada suku tersebut hasil daripada peningkatan pendapatan daripada aktiviti pembiayaan portfolio dan berasaskan fi. Ini lantas menghasilkan pulangan bagi ekuiti dan aset masing-masing sebanyak 16.5% dan 1.5%.

Nisbah Kecukupan Modal bagi industri insurans ialah 223.5%. Pengendali insurans dan takaful mencatat keuntungan sebanyak RM3.5 bilion disokong oleh peningkatan berterusan dalam pendapatan premium ekoran permintaan terhadap perlindungan insurans yang lebih tinggi seiring dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik.

Permintaan dalam negeri semakin kukuh untuk menyokong pertumbuhan pada separuh tahun kedua 2010

Pemulihan ekonomi global pada suku kedua adalah tidak seimbang berikutan krisis hutang Kerajaan di kawasan euro yang meningkat dengan cepat. Ekonomi maju utama mencatat pemulihan yang sederhana berikutan permintaan sektor swasta yang bertambah baik walaupun sentimen pengguna dan perniagaan terjejas sedikit menjelang akhir suku kedua berikutan ketidakpastian yang berpunca daripada krisis hutang Kerajaan di beberapa buah ekonomi. Sementara itu, pertumbuhan kebanyakan ekonomi serantau terus kukuh pada suku kedua, disokong oleh permintaan dari dalam dan luar negeri yang mantap. Melangkah ke hadapan, risiko berhubung dengan momentum pertumbuhan global yang lebih sederhana adalah semakin nyata berikutan bertambahnya kebimbangan mengenai krisis hutang Kerajaan yang sedang melanda dan konsolidasi fiskal secara terancang di beberapa ekonomi maju.

Ekonomi Malaysia mencatat pengembangan yang kukuh dan menyeluruh pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik dan permintaan luar negeri yang memberangsangkan, khususnya dari ekonomi serantau. Melangkah ke hadapan, ekonomi dalam negeri dijangka terus kukuh dengan disokong oleh permintaan swasta yang memberangsangkan. Walaupun perkembangan di luar negeri boleh menyebabkan kadar pertumbuhan menjadi sederhana, keadaan pekerjaan yang menggalakkan, sentimen pengguna dan perniagaan yang terus positif, inflasi yang sederhana dan persekitaran dasar yang akomodatif dijangka merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri, sementara permintaan luar negeri dijangka terus mendapat sokongan daripada permintaan serantau.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2010

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pemulihan ekonomi global tidak seimbang disebabkan krisis hutang Kerajaan di kawasan euro yang meningkat dengan cepat

Pemulihan ekonomi global terus tidak seimbang pada suku kedua disebabkan krisis hutang Kerajaan di kawasan euro yang meningkat dengan cepat. Ekonomi maju utama terus mencatat pemulihan yang sederhana disebabkan peningkatan permintaan swasta tetapi sentimen pengguna dan perniagaan menurun menjelang penghujung suku kedua berikutan jangkaan bahawa langkah-langkah penjimatan fiskal akan dilaksanakan di beberapa ekonomi. Selepas mencapai prestasi pertumbuhan yang amat ketara pada suku pertama, kebanyakan ekonomi serantau terus mengekalkan pertumbuhan yang kukuh pada suku kedua, disebabkan permintaan kukuh di dalam dan luar negeri. Keadaan pasaran kewangan antarabangsa terjejas disebabkan beberapa ekonomi kawasan euro menghadapi kesukaran untuk membiayai semula sekuriti Kerajaan mereka pada penghujung bulan April. Krisis ini telah mengakibatkan mekanisme Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah sebanyak €750 bilion dan langkah-langkah kecemasan European Central Bank dilaksanakan pada awal bulan Mei. Walau bagaimanapun, kebimbangan yang berterusan terhadap prestasi sektor perbankan di kawasan euro menyebabkan pihak berkuasa menjalankan ujian ketahanan bagi 91 institusi perbankan di kawasan euro pada bulan Julai. Tekanan inflasi di kebanyakan ekonomi terus sederhana pada suku kedua.

Ekonomi **Amerika Syarikat** (AS) mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.4% pada suku kedua (S1 10: 3.7%). Meskipun pertumbuhan terus disokong oleh penggunaan swasta, pelaburan tetap dan perbelanjaan Kerajaan, penyederhanaan dalam pertumbuhan adalah disebabkan oleh kemerosotan yang lebih besar dalam eksport bersih dan peningkatan inventori yang lebih perlahan. Penggunaan swasta terus mencatat pertumbuhan, disokong oleh pendapatan isi rumah yang lebih tinggi dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dengan peningkatan pengambilan pekerja sebanyak 621,000 orang pada suku kedua (S1 10: +261,000). Walau bagaimanapun, keyakinan pengguna mulai menurun menjelang akhir suku kedua, mencerminkan sikap berhati-hati isi rumah terhadap prospek ekonomi. Pertumbuhan yang perlahan juga disebabkan oleh import barangan modal yang lebih tinggi selari dengan pelaburan swasta. Inflasi meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.8% (S1 10: 2.4%) disebabkan harga tenaga yang lebih rendah.

Ekonomi **Jepun** berkembang dengan lebih sederhana sebanyak 0.4% pada suku kedua (S1 10: 4.4%), disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh, manakala permintaan dalam negeri terus lemah. Eksport meningkat sebanyak 33.4% pada suku kedua (S1 10: 43.2%), disebabkan terutamanya oleh penghantaran barangan eksport yang menggalakkan ke Asia. Di dalam negeri, perbelanjaan isi rumah merosot sebanyak 0.3% pada suku kedua (S1 10: 1.9%) disebabkan rangsangan Kerajaan yang semakin berkurang, manakala kadar pengangguran meningkat kepada 5.2% (S1 10: 4.9%). Dari segi inflasi, harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) menurun sebanyak 1.2% (S1 10: -1.2%), disebabkan terutamanya oleh langkah-langkah Kerajaan yang telah menurunkan kos pendidikan.

Kawasan euro mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang kukuh sebanyak 1.7% (S1 10: 0.6%) disebabkan oleh peningkatan permintaan luar negeri di ekonomi utama euro, khususnya di Jerman lantas mengatasi kemerosotan permintaan dalam negeri di ekonomi euro lain. Eksport meningkat sebanyak 22.6% (S1 10: 12.1%) berikutan permintaan yang kukuh

Negara Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2009		2010			Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	-0.7[d]	-4.0[d]	3.7[d]	2.4[a]	2.8[a]	Pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh penurunan yang lebih besar dalam eksport bersih dan sumbangan yang lebih rendah dalam pelaburan inventori.
Jepun[1]	10.4[d]	-7.3[d]	4.4[d]	0.4[p]	3.2[p]	Pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada penggunaan swasta dan eksport bersih serta ambilan inventori yang lebih besar.
Kawasan euro	-5.6	-5.5	0.6	1.7[a]	1.2[a]	Pertumbuhan didorong oleh Jerman dan Perancis manakala Greece terus menurun.
UK	-5.9	-5.7	-0.2	1.6[p]	0.7[p]	Pertumbuhan terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam perkhidmatan perniagaan dan aktiviti pembinaan.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

dari Asia. Dari segi permintaan dalam negeri, penunjuk penggunaan swasta terus lemah berikutan keyakinan pengguna yang lebih sederhana dan kemerosotan pertumbuhan jualan runcit, terutama di negara yang melaksanakan langkah penjimatan fiskal yang ketara. Dari segi inflasi, harga pengguna meningkat sebanyak 1.5% (S1 10: 1.1%) berikutan kenaikan harga import akibat penurunan nilai euro.

Di **United Kingdom** (UK), KDNK benar meningkat sebanyak 1.6% pada suku kedua (S1 10: -0.2%), iaitu pertumbuhan tahunan positif yang pertama sejak suku kedua 2008. Peningkatan ini meliputi semua sektor, disokong oleh pemulihan yang berterusan dalam pengeluaran dan eksport. Di samping itu, momentum permintaan dalam negeri meningkat pada suku itu seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan jualan runcit yang lebih tinggi serta pasaran pekerja yang lebih baik. Namun begitu, sentimen pengguna menjadi lemah berikutan kebimbangan terhadap impak dalam jangka masa terdekat ekoran pengumuman langkah-langkah penjimatan fiskal. Sementara itu, inflasi meningkat sedikit kepada 3.4% pada suku kedua (S1 10: 3.3%), disebabkan oleh kadar standard bagi Cukai Nilai Tambahan (VAT) yang dinaikkan semula kepada 17.5% pada bulan Januari dan sebahagian lagi oleh kesan penyusutan nilai paun sterling terhadap harga import.

Bank-bank pusat di ekonomi maju utama telah bertindak pantas terhadap peningkatan krisis hutang Kerajaan di kawasan euro sejak akhir bulan April. Pada 9 dan 10 Mei, ketika pasaran kewangan global mengalami tekanan dan turun naik yang ketara, **European Central Bank** (ECB), selaras dengan mekanisme Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah €750 bilion, mengumumkan tiga langkah untuk mengembalikan keyakinan dalam pasaran kewangan. Pertama, ECB akan campur tangan dalam pasaran sekunder sekuriti hutang awam dan swasta di kawasan euro bagi memulihkan fungsi pasaran yang terjejas. Pada suku itu, ECB telah membeli €60 bilion sekuriti. Kedua, ECB akan menyediakan mudah tunai kecemasan kepada bank-bank dalam bentuk dana tidak terhad tiga dan enam bulan pada kadar tetap. Ketiga, ECB mengaktifkan semula swap mata wang dolar US dengan **Federal Reserve** (Fed), **Bank of Japan** (BoJ), **Bank of England** (BoE), Bank of Canada dan Swiss National Bank bagi mengekalkan mudah tunai dolar AS dalam pasaran kewangan. Sementara itu, ekonomi maju lain seperti Australia, Kanada, Sweden dan Norway terus meningkatkan kadar dasar mereka pada suku itu bagi mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang wajar.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2009		2010			Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
Singapura	-1.7	-5.6	16.9	18.8	17.9	Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam sektor perkilangan disebabkan oleh sub-sektor biomedikal dan elektronik.
RR China	7.9	7.4	11.9	10.3	11.1	Pertumbuhan sederhana dalam semua sektor ekoran langkah-langkah dasar yang lebih ketat untuk memperlahankan pemberian pinjaman oleh bank dan aktiviti dalam sektor harta tanah.
Korea	-2.2	-3.2	8.1	7.2[a]	7.6	Aktiviti perkilangan dan eksport terus berkembang.
Hong Kong SAR	-3.8	-5.7	8.0	6.5	7.3	Pertumbuhan disokong oleh eksport dan permintaan dalam negeri.
Indonesia	4.1	4.3	5.7	6.2	5.9	Pertumbuhan disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga minyak mentah[2] global menurun kepada USD68 setong pada 20 Mei, iaitu paras terendah dalam tempoh lapan bulan akibat terjejas oleh paras inventori yang meningkat dan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang akan mengurangkan permintaan terhadap minyak. Namun, trend itu beralih kembali pada lewat suku kedua disebabkan oleh jangkaan permintaan kukuh daripada ekonomi sedang pesat membangun dan juga kemungkinan keadaan cuaca buruk yang boleh menyebabkan gangguan bekalan di Teluk Mexico. Harga minyak mentah global ditutup pada USD76 setong pada suku itu. Bagi keseluruhan suku, harga minyak mentah didagangkan pada purata USD78 setong (S1 10: USD79 setong).

Di **Asia**, kebanyakan ekonomi serantau terus mengekalkan pertumbuhan yang kukuh pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri yang berdaya tahan. Penggunaan swasta terus teguh disokong oleh keadaan pasaran pekerja dan aktiviti pemberian pinjaman yang bertambah baik. Keteguhan aktiviti pelaburan dan eksport telah didorong oleh permintaan yang berterusan dari kawasan serantau dan ekonomi maju. Ekonomi **Singapura** mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan sebanyak 19.3% pada suku kedua (S1 10: 16.9%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan sektor perkilangan yang kukuh, terutamanya subsektor elektronik dan biomedikal. Di **Indonesia**, ekonomi berkembang sebanyak 6.2% pada suku itu (S1 10: 5.7%) disokong oleh penggunaan dan pelaburan yang lebih kukuh. Ekonomi **Republik Rakyat China** berkembang pada kadar tahunan 10.3% pada suku kedua (S1 10: 11.9%), apabila kesemua sektor mencatat pertumbuhan sederhana berikutan langkah-langkah dasar yang lebih ketat oleh pihak berkuasa bagi memperlahankan pertumbuhan ekonomi. Ekonomi **Korea** meningkat sebanyak 7.2% pada suku itu (S1 10: 8.1%), disokong oleh peningkatan berterusan aktiviti eksport dan perkilangan. Ekonomi **Hong Kong SAR** mencatat pertumbuhan sebanyak 6.5% pada suku itu (S1 10: 8%) disokong oleh eksport dan permintaan dalam negeri.

Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan tekanan inflasi yang semakin meningkat, banyak bank pusat di Asia mengambil langkah mengembalikan kadar faedah dasar mereka kepada paras yang wajar. **Bank Pusat Republik Rakyat China (Taiwan)** menaikkan kadar diskaun sebanyak 12.5 mata asas kepada 1.375% pada bulan Jun berikutan pemulihan ekonomi yang makin cepat dan harga pengguna dan harta yang makin meningkat. **Bank of Korea** meningkatkan kadar asasnya sebanyak 25 mata asas kepada 2.25% pada bulan Julai bagi membendung inflasi. Di samping itu, **Bank of Thailand** meningkatkan

[2] Merujuk kontrak hadapan satu bulan WTI di NYMEX

kadar pembelian semula 1-hari sebanyak 25 mata asas kepada 1.50% pada bulan Julai berikutan pemulihan ekonomi yang lebih mapan dalam keadaan tekanan inflasi yang sederhana. **Reserve Bank of India** juga menaikkan kadar pembelian semula kepada 5.75%, iaitu sebanyak 25 mata asas bagi setiap kenaikan dalam dua mesyuaratnya yang berasingan pada bulan Julai bagi membendung kenaikan inflasi.

Dalam pasaran **pertukaran asing**, kebanyakan mata wang utama telah menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku kedua berikutan peningkatan ketara krisis hutang Kerajaan di kawasan euro. Kedua-dua euro dan paun sterling menyusut nilai berbanding dengan dolar. Euro mencatat paras paling rendah sejak bulan Mac 2006 disebabkan oleh penarafan yang menurun dan kebimbangan terhadap impak langkah-langkah penjimatan fiskal dan isu berhubung dengan prestasi sektor perbankan di kawasan euro. Peningkatan penghindaran risiko oleh pelabur juga menguntungkan yen, yang bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS pada dua bulan terakhir suku tersebut. Sementara itu, mata wang serantau telah menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada bulan pertama suku kedua, disokong oleh sikap optimis terhadap prospek pertumbuhan yang lebih baik untuk rantau itu. Walau bagaimanapun, trend tersebut berubah arah pada tempoh akhir suku itu berikutan masalah baharu hutang Kerajaan di kawasan euro. Kebanyakan mata wang serantau telah bertindak balas secara positif, meskipun untuk seketika, terhadap langkah RR China meningkatkan fleksibiliti kadar pertukaran yuan walaupun keadaan di kawasan euro terus mempengaruhi trend mata wang serantau berbanding dengan dolar AS.

Melangkah ke hadapan, risiko pertumbuhan ekonomi global yang lebih sederhana telah meningkat berikutan kebimbangan yang berterusan terhadap hutang Kerajaan dan konsolidasi fiskal secara terancang di beberapa ekonomi maju. Kekuatan pemulihan global akan bergantung terutamanya pada kredibiliti langkah-langkah penjimatan fiskal yang sedang dilaksanakan di banyak ekonomi maju dan keyakinan pasaran terhadap penyelesaian yang pantas berhubung dengan masalah hutang Kerajaan di kawasan euro.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan terus kukuh pada suku kedua

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.9% pada suku kedua 2010, didorong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri dan pertumbuhan yang terus kukuh dalam permintaan luar. Permintaan dalam negeri yang lebih kukuh adalah hasil daripada pertambahan perbelanjaan dalam sektor swasta dan awam. Permintaan luar negeri terus mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan dari ekonomi serantau terutamanya terhadap minyak mentah dan gas asli. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang dengan kukuh, diterajui oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih cepat

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 9% pada suku kedua (S1 10: 5.3%). Momentum pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh disokong oleh peningkatan penggunaan swasta, dan perbelanjaan perniagaan dan sektor awam yang terus bertambah baik.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	-2.2	-2.7	5.3	9.0	7.2
Penggunaan	0.6	0.2	5.3	7.7	6.5
Sektor swasta	*0.3*	*-0.2*	*5.1*	*7.9*	*6.5*
Sektor awam	*1.5*	*1.5*	*6.3*	*6.9*	*6.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*-9.6*	*-10.4*	*5.4*	*12.9*	*9.4*
Eksport Bersih	-6.7	15.0	-12.9	-38.4	-23.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-17.9*	*-16.7*	*19.3*	*13.8*	*16.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-19.4*	*-21.1*	*27.5*	*21.9*	*24.5*
KDNK	**-3.9**	**-5.1**	**10.1**	**8.9**	**9.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.9% pada suku kedua (S1 10: 5.1%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, inflasi yang secara relatif rendah dan pendapatan yang terus meningkat. Perbelanjaan pengguna yang teguh pada suku itu disokong oleh prestasi kukuh penunjuk penggunaan utama. Antaranya termasuk import barangan penggunaan, jualan kereta penumpang, perbelanjaan kad kredit, pemberian pinjaman bank kepada isi rumah dan upah dalam sektor perkilangan. Penggunaan swasta juga disokong oleh keyakinan pengguna yang mapan dengan Indeks Sentimen Pengguna MIER pada 110.4 mata (S1 10: 114.2 mata), menunjukkan bahawa isi rumah masih bersikap positif terhadap prospek ekonomi.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 6.9% (S1 10: 6.3%), dipacu oleh perbelanjaan bagi emolumen yang lebih tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat dengan nyata sebanyak 12.9% (S1 10: 5.4%) disokong oleh pelaburan sektor swasta yang terus menggalakkan dan perbelanjaan modal sektor awam yang berterusan. Perbelanjaan modal sektor swasta pada suku kedua terus mendapat manfaat daripada peningkatan pengeluaran dalam negeri dan eksport yang secara relatif kukuh. Perbelanjaan perniagaan yang lebih tinggi dapat dilihat melalui prestasi kukuh penunjuk-penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal, jualan kenderaan perdagangan, kadar penggunaan kapasiti dan pemberian pinjaman bank kepada perniagaan. Pada suku itu, sentimen perniagaan terus positif seperti dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang terus melebihi paras 100 mata (119.6 mata; S1 10: 124 mata). Sementara itu, perbelanjaan modal sektor awam menjadi pendorong tambahan kepada ekonomi dalam negeri. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan pada suku kedua telah disalurkan khususnya kepada sektor pendidikan dan pengangkutan.

Sentimen perniagaan dan pengguna yang mapan



Sumber: MIER

KDNK Suku Tahunan Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	0.4	-2.0	6.8	2.4	4.5
Perlombongan	-3.5	-4.4	2.1	1.9	2.0
Perkilangan	-14.5	-16.2	17.0	15.9	16.4
Pembinaan	4.5	2.9	8.7	4.1	6.3
Perkhidmatan	1.7	0.8	8.5	7.3	7.9
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**-3.9**	**-5.1**	**10.1**	**8.9**	**9.5**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Tempoh Sebelumnya)	**4.6**	**-7.1**	**-2.6**	**3.5**	**0.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kebanyakan sektor terus mencatat pertumbuhan kukuh

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama mencatat pengembangan ketara pada suku kedua. Pertumbuhan telah dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan, dan disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri yang terus kukuh. Sektor pembinaan terus berkembang, didorong khususnya oleh pertumbuhan subsektor bukan kediaman yang kukuh. Sementara itu, sektor perlombongan mencatat pertumbuhan positif bagi suku kedua berturut-turut, disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, terutamanya mencerminkan pengeluaran minyak sawit mentah dan juga aktiviti perhutanan dan pembalakan yang lebih rendah.

Pertumbuhan mampan dalam sektor perkilangan

Sektor perkilangan mencatat prestasi yang mampan pada suku kedua dengan pertumbuhan sebanyak 15.9% (S1 10: 17%). Pertumbuhan meliputi kesemua kelompok dalam keadaan permintaan luar dan dalam negeri yang baik.

Pertumbuhan **industri berorientasikan eksport** dipacu oleh kelompok E&E, yang terus mencatat pertumbuhan yang teguh dalam pengeluaran (29.9%; S1 10: 36%), didorong terutamanya oleh permintaan terhadap keluaran separa konduktor dan alat pandang dengar. Pertumbuhan dalam kelompok barangan berasaskan sumber adalah berterusan, disokong oleh permintaan terhadap keluaran kimia dan getah.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-14.5**	**-16.2**	**17.0**	**15.9**	**16.4**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**-14.9**	**-16.8**	**15.3**	**15.6**	**15.5**
Industri berorientasikan eksport	**-16.4**	**-18.4**	**14.5**	**14.0**	**14.2**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**-31.0**	**-33.2**	**36.0**	**29.9**	**32.9**
Antaranya:					
Elektronik	-34.9	-35.6	24.0	19.4	21.6
Barangan elektrik	-21.5	-27.2	65.0	50.7	57.1
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**-6.6**	**-8.7**	**4.5**	**6.1**	**5.3**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	-2.7	-10.3	24.7	10.4	17.1
Keluaran petroleum	-5.4	-1.1	-22.1	-1.6	-12.6
Keluaran getah	-7.5	-14.4	37.8	17.4	26.8
Pemprosesan diluar estet	-4.5	-6.2	4.3	0.1	2.1
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**-9.4**	**-10.9**	**18.1**	**21.2**	**19.7**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**-16.5**	**-18.8**	**21.8**	**21.8**	**21.8**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	-22.9	-26.1	27.2	26.5	26.8
Keluaran logam yang direka	-6.8	-7.2	14.9	16.0	15.5
Kelompok barangan pengguna	**-3.5**	**-4.4**	**15.6**	**20.7**	**18.2**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	-13.5	-12.2	40.5	37.7	39.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	-0.3	-2.6	2.5	12.3	7.4

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Di samping itu, **pertumbuhan industri berorientasikan dalam negeri** bertambah kukuh disebabkan terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam kelompok barangan berkaitan pembinaan. Kelompok barangan pengguna juga berkembang pesat, disokong oleh pertumbuhan dalam segmen produk pengangkutan dan makanan.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan meningkat kepada 76% pada suku kedua (S1 10: 75%), dengan industri berorientasikan eksport dan dalam negeri beroperasi masing-masing pada 76% dan 74% daripada jumlah kapasiti (S1 10: masing-masing 77% dan 66%).

Pertumbuhan kukuh dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 7.3% pada suku pertama (S1 10: 8.5%) dan menyumbang sebanyak 4.2 mata peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh subsektor perniagaan borong dan runcit; kewangan dan insurans; dan pengangkutan dan penyimpanan.

Subsektor **perniagaan borong dan runcit** mencatat pertumbuhan sebanyak 8.4% (S1 10: 9.6%), didorong terutamanya oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi, termasuk permintaan terhadap kereta penumpang baharu. Subsektor **kewangan dan insurans** meningkat sebanyak 8.4% (S1 10: 6.4%), disokong oleh pendapatan faedah bersih dan kutipan premium insurans yang lebih tinggi pada suku kedua.

Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** berkembang sebanyak 9.2% (S1 10: 8.1%), selaras dengan aktiviti perniagaan yang terus kukuh yang mendorong permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan berkaitan kargo. Pertumbuhan subsektor tersebut terus disokong oleh permintaan yang meningkat bagi perjalanan penumpang.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2009 (%)	2009		2010		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.6**	**2.5**	**1.1**	**8.4**	**7.2**	**7.8**
Kewangan & insurans	20.4	3.9	2.9	6.4	8.4	7.5
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	3.9	-1.1	14.2	2.6	8.1
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	-6.4	-5.2	8.1	9.2	8.7
Komunikasi	7.2	5.8	5.3	6.8	8.4	7.6
Perkhidmatan Akhir	**56.4**	**1.1**	**0.5**	**8.6**	**7.4**	**8.0**
Perdagangan borong & runcit	23.2	0.1	-0.8	9.6	8.4	9.0
Penginapan & restoran	4.3	2.9	2.5	5.5	5.8	5.7
Utiliti	5.2	-1.1	-4.6	16.6	9.0	12.6
Perkhidmatan Kerajaan	13.2	0.3	1.1	8.1	8.5	8.3
Perkhidmatan lain	10.5	4.4	4.8	4.7	3.8	4.2
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**1.7**	**0.8**	**8.5**	**7.3**	**7.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2009				2010	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	78.9	105.8	105.4	109.6	114.2	110.4
Indeks Perdagangan Runcit MIER	52.3	76.3	100.7	111.0	106.9	134.1
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	78.1	75.8	88.7	114.1	120.5	118.2
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	2.2	4.7	12.4	9.5	5.3	2.4[1]
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	-4.6	5.2	10.4	15.8	20.3	14.1
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	8.5	6.8	6.6	7.6	9.5	10.7
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	3.8	-1.6	-3.9	-1.0	4.5	8.6
Import barangan penggunaan	-4.3	-8.3	-4.4	6.3	18.5	13.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-8.1	-11.1	-3.5	17.6	22.7	17.4
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	-10.6	-6.4	-1.7	11.8	22.5	21.3

[1] Apr-Mei 2010
Sumber: Pelbagai sumber

Sementara itu, subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 2.6% pada suku kedua (S1 10: 14.2%), disebabkan terutamanya oleh aktiviti pasaran modal yang menurun.

Pertumbuhan sederhana dalam sektor komoditi

Pertumbuhan **sektor pertanian** menurun kepada 2.4% pada suku kedua (S1 10: 6.8%), mencerminkan pengeluaran lebih rendah bagi tanaman industri. Pengeluaran minyak sawit mentah menurun manakala pengeluaran getah menjadi sederhana dalam keadaan cuaca yang tidak begitu baik. **Sektor perlombongan** mencatat pertumbuhan positif bagi suku kedua berturut-turut sebanyak 1.9% (S1 10: 2.1%), disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan menjadi lebih sederhana

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 4.1% pada suku kedua (S1 10: 8.7%) disokong terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor bukan kediaman. Aktiviti yang kukuh dalam subsektor bukan

Prestasi Sektor Pertanian

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**0.4**	**-2.0**	**6.8**	**2.4**	**4.5**
Tanaman Industri	**-5.1**	**-9.4**	**8.0**	**-3.6**	**1.8**
Tanaman Makanan	**8.0**	**8.5**	**5.6**	**9.9**	**7.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-3.0	-3.4	1.9	-0.4	0.7
Getah	-21.7	-31.7	34.6	0.0	17.4
Ikan	14.4	13.8	4.4	8.9	6.7
Ternakan	8.6	4.3	7.5	2.6[1]	5.5[2]

[1] Apr-Mei 2010
[2] Jan-Mei 2010

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-3.5**	**-4.4**	**2.1**	**1.9**	**2.0**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-1.8	-3.8	-2.5	-3.1	-2.8
Gas asli	-6.5	-6.9	8.8	10.0	9.3

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	-9.1	-16.8	32.0	15.8	22.6
Kelulusan perumahan	-17.4	-23.7	13.9	7.4	10.3
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	-16.5	-18.8	21.8	21.8	21.8
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-26.1	-38.2	40.5	43.7	42.2
Import bahan pembinaan dan produk galian	-5.0	-12.7	53.8	25.7[2]	41.5[3]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Apr-Mei 2010
[3] Jan-Mei 2010

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

kediaman mencerminkan pembinaan ruang pejabat, sekolah dan kuarters Kerajaan. Sementara itu, segmen kejuruteraan awam yang terus berkembang mencerminkan kemajuan dalam pelaksanaan beberapa projek infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya, projek landasan berkembar elektrik, Jambatan Pulau Pinang kedua, dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (Low Cost Carrier Terminal, LCCT) baharu, serta saluran gas di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, pembinaan harta kediaman lebih rendah pada suku itu.

Inflasi meningkat pada suku kedua

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sebanyak 1.6% pada asas tahunan pada suku kedua (S1 10: 1.3%). Kenaikan harga pengguna ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* yang naik sebanyak 2.4% (S1 10: 1.4%). Peningkatan harga makanan dalam kategori tersebut disebabkan terutamanya oleh kenaikan ketara sebanyak 10.5% (S1 10: 1.1%) dalam subkategori *sayur-sayuran* berikutan berkurangnya bekalan sayur-sayuran import dan juga bekalan tempatan ekoran kekurangan tenaga kerja asing di dalam negeri. Kategori *pengangkutan* turut meningkat sebanyak 1.1% pada suku kedua (S1 10: 0.7%). Walau bagaimanapun, kesemua kenaikan harga tersebut sebahagiannya telah diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut* (S2 10: -1.8%, S1 10: -1.5%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar lebih perlahan iaitu 6.2% pada asas tahunan pada suku kedua 2010 (S1 10: 6.4%). Harga bagi komponen IHPR bukan

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

berkaitan komoditi naik sebanyak 3.4% (S1 10: 3.2%). Sementara itu, harga komponen berkaitan komoditi pula menjadi sederhana kepada 16.3% (S1 10: 18.4%).

Dari segi komposisi, harga bagi komponen IHPR diimport meningkat pada kadar lebih perlahan iaitu 1% (S1 10: 2.2%) mencerminkan kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *jentera dan kelengkapan pengangkutan*. Walau bagaimanapun, harga bagi komponen IHPR tempatan meningkat sebanyak 8.8% (S1 10: 8.4%) disebabkan oleh kenaikan lebih tinggi dalam kategori *mineral, bahan api, pelincir dan lain-lain.*

Keadaan pasaran pekerja adalah menggalakkan

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan terus menggalakkan pada suku kedua. Meskipun pemberhentian pekerja bertambah sedikit, jumlah jawatan kosong masih tinggi, manakala kadar pengangguran keseluruhan berkurang pada dua bulan pertama suku tersebut. Pemberhentian pekerja meningkat kepada 1,859 orang (S1 10: 1,714 orang) pada suku tersebut terutamanya dalam sektor perkilangan (1,181 orang atau 63.5%), khususnya dalam industri kayu, getah, perubatan dan logam. Walau bagaimanapun, pemberhentian pekerja dalam sektor lain menurun.

Permintaan semua sektor untuk mendapatkan pekerja masih lagi tinggi pada suku kedua.

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Ini seperti ditunjukkan oleh bilangan jawatan kosong yang dilaporkan dalam Portal JobsMalaysia yang lebih tinggi (541,993 jawatan; S1 10: 450,042 jawatan). Susulan perkembangan tersebut, kadar pengangguran purata bulan April dan Mei lebih rendah pada 3.3% (S1 10: 3.7%) memandangkan pertumbuhan guna tenaga adalah lebih cepat berbanding dengan tenaga kerja. Sementara itu, kenaikan upah benar tahunan bagi setiap pekerja sektor perkilangan adalah sebanyak 8.2% (S1 10: 15.9%).

Aktiviti perdagangan terus teguh

Lebihan perdagangan mengecil kepada RM23.4 bilion pada suku kedua (S1 10: RM38.9 bilion) memandangkan import kasar meningkat lebih cepat berbanding eksport kasar. Eksport kasar meningkat sebanyak 21.7% (S1 10: 30.7%), manakala import kasar meningkat pada kadar yang kukuh iaitu 30.3% (S1 10: 35.1%).

Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih sederhana disebabkan terutamanya oleh eksport perkilangan dan pertanian yang lebih rendah. **Eksport perkilangan** meningkat sebanyak 16.8% (S1 10: 32.5%) memandangkan kesan asas yang rendah pada tahun sebelumnya telah semakin berkurang dan permintaan luar kembali normal. Eksport E&E berkembang sebanyak 16.1%

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2009[1]		2010[1]		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**-26.3**	**-23.4**	**30.7**	**21.7**	**26.1**
Perkilangan	-20.5	-19.3	32.5	16.8	24.2
E&E	*-22.9*	*-21.1*	*36.3*	*16.1*	*25.4*
Bukan E&E	*-17.3*	*-17.1*	*28.3*	*17.7*	*22.8*
Komoditi	-40.6	-32.7	27.3	38.1	32.4
Pertanian	*-29.6*	*-28.9*	*45.8*	*21.9*	*33.0*
Mineral	*-47.5*	*-35.0*	*17.3*	*51.7*	*31.9*
Import Kasar	**-23.8**	**-26.3**	**35.1**	**30.3**	**32.5**
Barangan modal	-18.4	-13.4	9.7	26.5	18.1
Barangan pengantara	-27.0	-30.8	37.9	30.5	33.9
Barangan penggunaan	-8.3	-6.4	18.5	13.3	15.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**26.5**	**59.2**	**38.9**	**23.4**	**62.4**

[1] Pengelasan perdagangan Malaysia telah disemak pada bulan April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdagangan antarabangsa iaitu *Harmonised System* (HS), *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature* (AHTN) *dan Standard International Trade Classification* (SITC)

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

(S1 10: 36.3%) disebabkan oleh permintaan terhadap separa konduktor dan keluaran elektrik pengguna yang lebih sederhana. Pertumbuhan eksport bukan E&E adalah menyeluruh berikutan permintaan serantau yang berterusan terhadap keluaran kimia dan jentera. Sementara itu, **eksport komoditi** meningkat lagi sebanyak 38.1% (S1 10: 27.3%), disokong oleh pertumbuhan eksport mineral yang lebih kukuh yang telah lebih daripada mengimbangi eksport keluaran pertanian yang semakin sederhana. Permintaan serantau yang kukuh terhadap minyak mentah dan gas asli menyumbang kepada eksport mineral yang lebih tinggi. Pertumbuhan eksport pertanian pula lebih perlahan kerana jumlah dan harga minyak sawit mentah yang lebih rendah.

Pertumbuhan **import kasar** terus kukuh pada suku kedua disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara dalam import barangan modal dan pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam import barangan pengantara. Import barangan modal mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh disokong oleh perbelanjaan pelaburan awam dan perniagaan yang lebih tinggi, manakala pengembangan berterusan dalam import barangan pengantara pula didorong terutamanya oleh import bahan perindustrian asas dan diproses. Selain itu,

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2009		2010			2009		2010		
	S1	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-35.1**	**-33.2**	**10.6**	**5.8**	**8.1**	**11.5**	**11.3**	**9.4**	**10.0**	**9.7**
Kesatuan Eropah (EU)	**-26.4**	**-27.2**	**29.1**	**22.9**	**25.9**	**10.7**	**10.7**	**10.6**	**10.8**	**10.7**
Negara ASEAN terpilih[1]	**-24.1**	**-25.4**	**38.5**	**17.0**	**27.1**	**26.2**	**25.4**	**25.9**	**25.2**	**25.6**
Timur Laut Asia	**-22.1**	**-15.1**	**47.1**	**29.3**	**37.8**	**23.0**	**22.7**	**25.1**	**24.5**	**24.8**
Republik Rakyat China	*-16.1*	*-10.2*	*67.9*	*28.1*	*45.9*	*11.8*	*11.0*	*13.1*	*12.4*	*12.8*
Hong Kong SAR	*-23.8*	*-13.4*	*36.8*	*24.8*	*30.3*	*5.2*	*5.0*	*4.9*	*5.4*	*5.1*
China Taipei	*-29.6*	*-24.6*	*50.8*	*53.8*	*52.4*	*2.5*	*2.4*	*2.8*	*3.1*	*3.0*
Korea	*-31.2*	*-22.4*	*12.6*	*22.8*	*17.0*	*3.5*	*4.2*	*4.3*	*3.6*	*3.9*
Asia Barat	**-14.8**	**-13.9**	**17.0**	**-0.3**	**7.3**	**4.4**	**4.0**	**3.3**	**3.6**	**3.4**
India	**-38.9**	**-28.2**	**17.3**	**19.4**	**18.3**	**3.1**	**3.4**	**3.3**	**3.0**	**3.2**
Jumlah eksport	**-26.3**	**-23.4**	**30.7**	**21.7**	**26.1**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

import barangan penggunaan juga terus berkembang dipacu oleh import makanan dan minuman, serta kenderaan bermotor sejajar dengan penggunaan swasta yang bertambah baik.

Aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio berterusan

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)[3] berjumlah RM4.7 bilion pada suku kedua (S1 10: RM4.9 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM1.8 bilion (S1 10: +RM0.2 bilion). Pada suku kedua, FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, khususnya industri elektrik dan elektronik, serta industri berkaitan petroleum. Sementara itu, FDI dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor perdagangan borong dan runcit.

Pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA)[4] bersih oleh syarikat Malaysia berjumlah RM2.5 bilion pada suku kedua (S1 10: -RM3.2 bilion). Sebahagian besar pelaburan disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan telekomunikasi, serta sektor minyak dan gas.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.6 bilion pada suku kedua (S1 10: +RM3.8 bilion). Aliran masuk yang lebih besar ini kebanyakannya adalah untuk sekuriti hutang, khususnya selepas 1Malaysia Sukuk Global berjumlah USD1.25 bilion diterbitkan dan juga untuk pasaran sekuriti hutang swasta. Meskipun wujud kebimbangan terhadap krisis hutang Eropah, aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus bertambah baik telah menarik masuk aliran dana asing ke dalam pasaran ekuiti negara.

Hutang luar negeri kekal terurus

Pada akhir bulan Jun 2010, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM221.7 bilion atau USD67.2 bilion (akhir bulan Mac 2010: RM219.3 bilion atau USD66.4 bilion), bersamaan dengan 30.5% daripada Pendapatan Negara Kasar. Jumlah **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** adalah lebih tinggi pada RM149.6 bilion lantaran langkah Kerajaan Persekutuan menerbitkan 1Malaysia Sukuk Global 5 Tahun berjumlah USD1.25 bilion. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mencatat ambilan pinjaman bersih sebanyak RM4 bilion yang telah lebih daripada mengimbangi pembayaran balik bersih oleh sektor swasta (-RM2.1 bilion) dan Perbadanan Awam Bukan Kerajaan (-RM0.2 bilion). Sejajar dengan langkah meningkatkan keberuntungan korporat, syarikat dalam sektor elektronik, utiliti dan pertanian membayar balik hutang luar negeri mereka lantas mengurangkan hutang luar negeri sektor swasta sebanyak 3.2% kepada RM64.2 bilion.

Pada akhir bulan Jun 2010, jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** terus stabil pada RM72.1 bilion (USD21.9 bilion). Hutang ini merupakan 32.5% daripada jumlah hutang luar negeri. Nisbah rizab antarabangsa ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2009	2010	
	akhir-Jun	akhir-Mac	akhir-Jun[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	146.9	147.2	149.6
Sektor awam	72.9	80.9	85.4
Sektor swasta	74.0	66.3	64.2
Hutang jangka pendek[1]	86.4	72.1	72.1
Jumlah hutang luar negeri	233.3	219.3	221.7
bersamaan USD bilion	65.5	66.4	67.2
Hutang Luar Negeri Terkumpul/PNK (%)	35.2	30.1	30.5
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek (kali)	3.7	4.3	4.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[3,4] Statistik bagi FDI dan DIA tidak termasuk perolehan tertahan

Rizab antarabangsa terus kukuh

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM309.8 bilion (bersamaan dengan USD94.8 bilion) pada 30 Jun 2010. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi kerugian penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang utama pada suku kedua. Pada 30 Julai 2010, rizab berjumlah RM310.6 bilion (bersamaan dengan USD95 bilion), memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, yang mengambil kira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kedudukan fiskal bertambah baik berikutan kutipan hasil yang lebih tinggi

Prestasi hasil yang lebih kukuh telah mengurangkan defisit fiskal kepada RM7.1 bilion atau 3.8% daripada KDNK pada suku kedua. Kutipan hasil yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya oleh cukai individu dan hasil berkaitan dengan minyak. Dari segi perbelanjaan, jumlah perbelanjaan kasar menurun pada kadar tahunan 4.4% disebabkan terutamanya oleh kesan asas yang lebih tinggi berikutan perbelanjaan pakej rangsangan pada tahun 2009. Namun, perbelanjaan bagi emolumen dan subsidi meningkat pada suku tersebut pada asas suku tahunan dan tahunan. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada sektor pendidikan dan pengangkutan. Defisit fiskal telah dibiayai oleh terbitan sekuriti Kerajaan dan Sukuk 1Malaysia. Pada bulan Mei, sebagai sebahagian daripada inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia, Kerajaan telah menerbitkan 1Malaysia Sukuk Global. Pada akhir bulan Jun 2010, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM388.1 bilion atau 51.9% daripada jumlah KDNK yang diunjurkan bagi tahun 2010. Daripada jumlah ini, hutang luar negeri hanya sebanyak RM17 bilion atau 2.3% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	39.4	75.2	28.7	42.0	70.7
% pertumbuhan	-1.2	10.9	-19.9	6.6	-6.0
Perbelanjaan mengurus	39.4	73.7	31.9	37.1	69.0
% pertumbuhan	19.8	16.5	-7.1	-5.8	-6.4
Akaun semasa	**0.0**	**1.5**	**-3.2**	**4.9**	**1.7**
% daripada KDNK	***0.0***	***0.5***	***-1.7***	***2.6***	***0.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	12.1	20.3	7.3	12.1	19.4
% pertumbuhan	34.9	42.5	-11.4	0.1	-4.5
Imbangan keseluruhan	**-12.1**	**-18.7**	**-10.2**	**-7.1**	**-17.3**
% daripada KDNK	***-7.4***	***-5.9***	***-5.6***	***-3.8***	***-4.7***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	51.5	94.1	39.2	49.2	88.4
% pertumbuhan	*23.0*	*21.3*	*-8.0*	*-4.4*	*-6.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	335.7	335.7	378.3	388.1	388.1
% daripada KDNK	*49.4*	*49.4*	*50.6*	*51.9*	*51.9*
Hutang dalam negeri	321.5	321.5	365.6	371.0	371.0
% daripada KDNK	*47.3*	*47.3*	*48.9*	*49.6*	*49.6*
Hutang luar negeri	14.3	14.3	12.7	17.0	17.0
% daripada KDNK	*2.1*	*2.1*	*1.7*	*2.3*	*2.3*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah meningkat susulan kenaikan OPR

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei 2010 dan 25 mata asas lagi pada bulan Julai 2010. Kenaikan OPR dilaksanakan untuk mencerminkan prospek ekonomi yang bertambah baik dan mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih wajar. Pada paras baharu 2.75% ini, OPR kekal akomodatif dan dianggap wajar dan konsisten dengan penilaian bagi pertumbuhan dan inflasi.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) menjadi lebih tinggi pada suku kedua bagi mencerminkan kenaikan OPR. Bagi tempoh 1 April – 13 Mei, AOIR bergerak dalam julat kecil 2.11% - 2.24%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil pada tempoh tersebut. Berikutan kenaikan OPR kepada 2.50% pada 13 Mei, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman meningkat kepada julat 2.37% - 2.49% pada tempoh 14 Mei – 30 Jun. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Keadaan pasaran kekal stabil ketika institusi kewangan beralih kepada paras kadar faedah yang baharu.

Kadar deposit runcit diselaraskan dengan pantas susulan kenaikan OPR. Kadar deposit

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Faedah

	2009	2010	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.00	2.25	2.50
Kadar antara bank			
Semalaman	1.99	2.18	2.43
1 bulan	2.09	2.35	2.71
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.53	5.76	6.02
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.04	4.96	5.05
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.05	2.28	2.51
12 bulan	2.52	2.67	2.82

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 bulan meningkat sebanyak 23 mata asas, manakala kadar FD bagi tempoh pemegangan 12 bulan bertambah sebanyak 15 mata asas. Oleh itu, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada pada julat yang lebih besar, masing-masing 2.48% dan 2.82% pada akhir bulan Jun (tempoh terdahulu: 2.25% - 2.48%).

Kadar pinjaman runcit turut disemak. Pada akhir bulan Jun, kadar pinjaman asas purata bank perdagangan meningkat sebanyak 26 mata asas kepada 6.02%, manakala kadar pinjaman purata bagi pinjaman terkumpul adalah lebih tinggi pada 5.05%. Meskipun kadar faedah meningkat, kadar faedah pinjaman runcit kekal di bawah paras sebelum krisis. Oleh itu, kos pembiayaan bagi ekonomi secara relatif masih rendah.

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang dengan mapan pada suku kedua. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM7.9 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang pada kadar tahunan yang lebih cepat, iaitu 12.6% pada akhir bulan Jun 2010 (akhir bulan Mac: 12%). Wang secara luas atau M3 pula berkembang pada kadar tahunan 8.8% pada akhir bulan Jun 2010 (akhir bulan Mac: 8.7%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM2.7 bilion.

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
M3	**1.4**	**19.0**	**14.6**	**2.7**	**17.3**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	5.9	11.7	-2.4	-5.1	-7.4
Tuntutan terhadap sektor swasta	5.5	10.8	16.7	28.4	45.1
Pinjaman	*7.9*	*12.3*	*19.7*	*26.9*	*46.6*
Sekuriti	*-2.4*	*-1.5*	*-3.0*	*1.5*	*-1.5*
Aset asing bersih[1]	-4.2	-0.4	11.6	6.8	18.5
BNM	*-1.7*	*-6.0*	*1.3*	*6.4*	*7.7*
Sistem Perbankan	*-2.5*	*5.6*	*10.3*	*0.4*	*10.7*
Pengaruh lain	*-5.8*	-3.0	*-11.3*	-27.5	-38.9

[1]Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendorong utama bagi peningkatan M3 ialah pengeluaran kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Kredit yang lebih tinggi ditunjukkan dalam pertambahan sebanyak RM26.9 bilion dalam jumlah pinjaman, di samping pemegangan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi oleh bank. Aset asing bersih sistem perbankan juga berkembang disebabkan terutamanya oleh perolehan dana (fund raising) oleh Kerajaan dari luar negeri yang kemudiannya ditukarkan kepada ringgit dengan Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, kesan pengembangan terhadap M3 telah diimbangi oleh simpanan hasil tersebut oleh Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia. Sementara itu, sektor swasta menambah pemegangan sekuriti hutang Bank Negara Malaysia pada suku kedua, yang dibeli daripada institusi perbankan. Ambilan deposit untuk membiayai pembelian sekuriti ini telah menyebabkan kesan penguncupan terhadap M3 dan dicatat di bawah kategori *pengaruh lain*.

Pembiayaan sektor swasta lebih kukuh pada suku kedua

Aktiviti pembiayaan sektor swasta bertambah baik pada suku kedua dan terus tersedia untuk kesemua segmen ekonomi. Keadaan monetari yang akomodatif menyokong aktiviti pembiayaan. Selain itu, aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus bertambah baik telah mendorong lagi permintaan sektor swasta terhadap pembiayaan. Jumlah pembiayaan

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM203.4 bilion pada suku kedua (S1 10: RM189.8 bilion). Ini mencerminkan pengeluaran pinjaman bank dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi pada suku tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 11.3% pada akhir bulan Jun (S1 10: 9.5%).

Semua penunjuk pinjaman utama bertambah baik pada suku kedua. Dalam sektor perniagaan, peningkatan permintaan terhadap pembiayaan baharu adalah terutamanya daripada sektor *perkilangan; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; borong dan runcit, restoran dan hotel* dan *harta tanah*. Sebahagian besar pinjaman digunakan untuk membiayai keperluan modal kerja. Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi ini lantas menyebabkan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat kepada RM7.9 bilion pada suku kedua (S1 10: +RM4.6 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat kepada 7.2% pada akhir bulan Jun (S1 10: 4.1%). Peningkatan pinjaman perniagaan terkumpul adalah menyeluruh merentas semua sektor utama.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2009	S2 09	S1 10	S2 10	2009	S1 10	S2 10
Jumlah pembiayaan kasar	**739.1**	**183.9**	**189.8**	**203.4**	**7.3**	**20.5**	**10.6**
Pengeluaran pinjaman*	657.0	154.4	174.3	185.3	2.6	17.6	20.0
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas dan terbitan oleh bukan pemastautin)	56.1	18.0	4.4	13.9	30.9	-50.8	-23.0
Ekuiti	26.0	11.5	11.0	4.2	375.5	7,530.8	-63.2
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**83.2**	**20.2**	**18.5**	**39.7**	**8.5**	**9.5**	**11.3**
Sistem perbankan	57.2	6.7	19.3	29.9	7.3	8.5	11.3
Pinjaman terkumpul (A)	*57.0*	*8.9*	*22.2*	*29.8*	*7.8*	*9.8*	*12.5*
Pemegangan PDS	*0.2*	*-2.2*	*-2.9*	*0.2*	*0.3*	*-6.5*	*-2.7*
PDS terkumpul (B)	26.3	11.3	-3.6	9.9	10.4	8.8	7.9
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas dan terbitan oleh bukan pemastautin)	58.6	19.3	4.7	14.7	18.0	-46.5	-23.9

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2009	S2 09	S1 10	S2 10	2009	S2 09	S1 10	S2 10
Jumlah								
Permohonan pinjaman	521.3	137.1	132.9	158.7	9.8	7.4	23.5	15.8
Kelulusan pinjaman	286.9	75.8	70.1	90.5	-1.4	-5.7	20.8	19.5
Pengeluaran pinjaman	657.0	154.4	174.3	185.3	2.6	-5.0	17.6	20.0
Bayaran balik pinjaman	595.2	148.8	154.5	161.8	4.8	6.4	11.8	8.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	57.0	8.9	22.2	29.8	7.8	8.3	9.8	12.5
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	237.8	64.3	60.0	71.6	-2.7	0.1	15.3	11.4
Kelulusan pinjaman	127.7	34.9	29.3	43.0	-13.7	-14.8	12.2	23.3
Pengeluaran pinjaman	439.7	103.0	117.2	125.0	-3.5	-10.9	16.1	21.3
Bayaran balik pinjaman	407.4	102.8	105.3	111.3	1.0	3.5	12.4	8.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	6.3	-1.0	4.6	7.9	2.1	3.7	4.1	7.2
PKS**								
Permohonan pinjaman	104.6	26.2	27.9	34.3	4.2	-6.2	38.1	30.9
Kelulusan pinjaman	45.3	11.3	12.9	15.9	-16.3	-29.0	45.6	39.9
Pengeluaran pinjaman	143.4	34.6	35.5	36.6	-12.0	-15.6	2.3	5.9
Bayaran balik pinjaman	132.3	32.1	33.4	32.4	-9.0	-9.6	3.6	0.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-5.5	0.5	2.5	-3.7	-4.4	-2.9	3.2	-0.3
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	133.2	38.1	32.1	37.4	-7.5	4.9	0.8	-2.0
Kelulusan pinjaman	82.4	23.5	16.4	27.2	-12.2	-5.8	-5.0	15.3
Pengeluaran pinjaman	296.4	68.4	81.7	88.3	1.2	-8.4	23.4	29.1
Bayaran balik pinjaman	275.2	70.6	71.8	78.9	6.7	10.8	17.1	11.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	11.8	-1.5	2.1	11.6	6.9	8.7	4.7	12.2
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	283.5	72.8	72.8	87.1	23.1	14.8	31.3	19.6
Kelulusan pinjaman	159.2	40.9	40.8	47.5	11.3	3.8	27.8	16.2
Pengeluaran pinjaman	217.2	51.4	57.2	60.3	17.7	9.7	20.6	17.4
Bayaran balik pinjaman	187.8	46.1	49.3	50.5	13.9	13.7	10.6	9.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	38.6	9.4	13.8	15.2	9.8	9.1	11.7	12.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2009	S2 09	S1 10	S2 10		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**439.7**	**103.0**	**117.2**	**125.0**	**67.4**	**44.9**
Syarikat besar	*296.4*	*68.4*	*81.7*	*88.3*	*47.7*	*30.7*
*PKS**	*143.4*	*34.6*	*35.5*	*36.6*	*19.8*	*14.1*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	20.9	4.5	9.2	5.4	2.9	2.4
Perlombongan dan kuari	2.3	0.7	0.8	0.6	0.3	0.3
Perkilangan	128.5	31.0	33.4	37.6	20.3	9.6
Pembinaan	40.5	9.2	9.2	10.5	5.6	4.4
Harta tanah	20.6	4.8	5.2	4.1	2.2	4.2
Bekalan elektrik, gas dan air	7.9	0.9	0.8	1.0	0.6	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	105.5	25.5	28.0	33.2	17.9	7.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	22.6	5.9	5.4	5.9	3.2	3.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	45.3	11.3	13.5	15.1	8.2	6.6
Isi rumah	**217.2**	**51.4**	**57.2**	**60.3**	**32.6**	**55.1**
Pembelian harta kediaman	55.6	12.7	14.9	14.1	7.6	25.4
Kredit penggunaan	132.6	31.4	33.4	37.9	20.5	21.0
Antaranya:						
Kad kredit	*70.5*	*16.6*	*18.4*	*20.1*	*10.9*	3.3
Pembelian kereta penumpang	*32.8*	*8.0*	*8.8*	*9.8*	*5.3*	*12.9*
Lain-lain	29.0	7.3	8.9	8.2	4.4	*8.7*
Jumlah	**657.0**	**154.4**	**174.3**	**185.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga meningkat. Permintaan terhadap pinjaman yang lebih tinggi ini adalah terutamanya untuk pembelian *harta kediaman* dan *bukan kediaman; kegunaan peribadi, kad kredit* dan *kereta penumpang*. Hasilnya, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM15.2 bilion pada suku kedua untuk meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 12.9% pada akhir bulan Jun (S1 10: 11.7%).

Aktiviti pemerolehan dana dipacu oleh sektor swasta

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku kedua berjumlah RM35.5 bilion (S1 10: RM34.8 bilion). Dalam sektor swasta, aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran bon menjadi semakin giat. Dana kasar yang diperoleh melalui PDS meningkat kepada RM14.7 bilion pada suku kedua (S1 10: RM4.7 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh beberapa terbitan besar oleh firma dalam sektor kewangan pada bulan April. Dua firma bukan pemastautin juga membuat terbitan pada bulan Jun. Dana yang diperoleh adalah terutamanya untuk membiayai modal kerja dan tujuan am. Sementara itu, dana sebanyak RM4.2 bilion diperoleh dalam pasaran ekuiti dan sebahagian besar daripadanya diperoleh melalui lapan tawaran awam awal (RM3 bilion), dan selebihnya daripada terbitan hak.

Dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM16.5 bilion diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia 20 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan 10 tahun, dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun dan 5 tahun. Di samping itu, dana diperoleh melalui terbitan

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**24.7**	**35.5**	**15.5**	**5.5**	**21.0**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	19.7	28.5	15.6	3.2	18.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*12.7*	*33.2*	*12.6*	*8.6*	*21.1*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*10.5*	*16.5*	*6.5*	*5.5*	*12.0*
Tolak: Penebusan	*3.5*	*21.2*	*3.5*	*10.9*	*14.4*
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	5.0	7.0	(0.1)	2.3	2.3
Oleh Sektor Swasta	**21.0**	**21.9**	**7.1**	**12.1**	**19.2**
Saham	11.5	11.7	11.0	4.2	15.3
Sekuriti hutang, *bersih*	9.5	10.2	(3.9)	7.8	3.9
Sekuriti Hutang Swasta	*19.3*	*28.6*	*4.7*	*14.7*	*19.4*
Cagamas	-	-	-	-	-
Tolak: Penebusan	*9.8*	*18.4*	*8.6*	*6.9*	*15.5*
Jumlah	**45.7**	**57.4**	**22.6**	**17.6**	**40.2**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sukuk 1Malaysia sebagai sebahagian daripada aktiviti pemerolehan dana oleh Kerajaan. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan yang besar, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM5.5 bilion pada suku kedua (S1 10: RM15.5 bilion).

Kadar hasil jangka panjang menurun

Kadar hasil bagi tempoh matang yang lebih pendek terus meningkat berikutan pelarasan menaik terhadap kadar dasar semalaman (OPR). MGS 1 tahun meningkat sebanyak 21 mata asas pada suku tersebut. Sementara itu, ketidakpastian dalam pasaran kewangan global berhubung dengan masalah hutang Kerajaan di Eropah menyebabkan terdapatnya permintaan yang lebih tinggi terhadap aset berisiko lebih rendah, termasuk sekuriti Kerajaan jangka panjang. Ini, bersama-sama dengan jangkaan inflasi yang sederhana berserta prospek ekonomi dalam negeri yang bertambah baik telah menyebabkan penurunan dalam kadar hasil jangka panjang. Berikutan itu, kadar hasil MGS 5 dan 10 tahun masing-masing merosot sebanyak 23 dan 20 mata asas.

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bagi bon korporat 5 tahun dengan penarafan AAA dan AA menurun pada suku kedua 2010, sejajar dengan kadar hasil MGS 5 tahun. Walau bagaimanapun, kadar hasil PDS dalam segmen penarafan yang lebih rendah naik sedikit, iaitu sebanyak 5 mata asas, yang mungkin mencerminkan tanggapan bahawa risiko semakin tinggi ekoran ketidakpastian terhadap keadaan global.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun sedikit

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun sedikit kepada RM182 bilion pada suku kedua (S1 10: RM188 bilion), disebabkan oleh urus niaga yang lebih rendah dalam segmen Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Goverment Securities, MGS), yang mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah pada 0.51. Hal ini berlaku kerana kurangnya terbitan baharu oleh Kerajaan pada bulan Mei. Sementara itu, segmen Terbitan Pelaburan Kerajaan (Goverment Investment Issues, GII) dan PDS mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi masing-masing pada 0.38 dan 0.10 berbanding dengan suku sebelum ini.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (5-tahun) dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (5-tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI merosot sedikit pada suku kedua

FBM KLCI ditutup rendah sedikit pada suku kedua pada 1,314 mata (sejak S1 10: -0.46%). Indeks ini merosot pada bulan Mei disebabkan terutamanya oleh kebimbangan mengenai hutang Kerajaan di Eropah, namun indeks naik kembali pada bulan Jun berikutan data ekonomi global yang positif dan pengumuman China untuk membenarkan kadar pertukaran renminbi menjadi lebih fleksibel. Permodalan pasaran menyusut kepada RM1.04 trilion pada akhir bulan Jun 2010 (S1 10: RM1.06 trilion) dan urus niaga purata harian pada suku itu lebih rendah pada 849 juta unit (S1 10: 1.05 bilion unit).

Pada 13 Ogos 2010, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,360.2 mata (sejak akhir tahun 2009: +6.9%) dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.1 trilion (sejak akhir tahun 2009: +9.7%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada tahun 2010 (% pertumbuhan asas suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2009	2010	
	Pada akhir		
	Jun	Mac	Jun
Indeks Harga			
Komposit	1,075.2	1,320.6	1,314.0
FBMEMAS[1]	7,206.8	8,957.2	8,863.4
FTSE Papan Kedua[2]	4,754.5	-	-
PASARAN ACE[3]	4,096.3	4,209.0	3,801.4
Permodalan pasaran (RM bilion)	817.9	1,061.1	1,044.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	960	961	962
	Pada tempoh suku		
	S1	S1	S2
Urus niaga harian purata			
Jumlah (juta unit)	1,684.4	1,046.6	849.1
Nilai (RM juta)	1,559.7	1,532.4	1,287.6

[1] FBM30 mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia 30
[2] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[3] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2009				2010					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion
Urus niaga	107.8	39,927	134.2	139.7	61.7	90.4	54.3	82.4	116.1	172.8
Antaranya:										
Papan Utama	90.6	39,075	113.2	134.2	52.4	88.1	45.3	80.2	97.7	168.3
Antaranya										
Produk Pengguna	3.7	2,096	4.4	6.3	2.8	3.7	3.1	3.9	5.9	7.6
Produk Industri	19.2	2,401	23.0	16.4	12.4	14.1	9.0	9.8	21.4	23.9
Pembinaan	7.3	2,936	9.8	11.6	3.1	4.9	3.0	5.0	6.1	9.9
Dagangan/Khidmat	30.6	14,423	38.9	47.8	16.1	28.8	13.9	28.9	3.0	57.7
Kewangan	7.2	8,095	9.1	22.5	4.2	20.8	4.4	18.7	0.9	39.5
Harta Benda	15.2	1,895	18.2	11.0	6.4	3.9	6.6	3.5	13.0	7.3
Perladangan	2.2	4,332	3.3	11.2	1.5	6.4	1.1	4.8	2.5	11.3
Infrastruktur	2.3	2,405	2.9	5.5	1.1	1.7	1.0	1.9	2.1	3.6
Papan Kedua[1]	7.5	498	9.1	3.3	-	-	-	-	-	-
Mesdaq[2]	7.0	193	7.8	1.4	5.4	1.2	4.1	0.7	9.5	1.8

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau

Pada suku kedua, ringgit menambah nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan dolar AS berikutan tanda-tanda pemulihan ekonomi di rantau ini yang semakin jelas yang telah menggalakkan lagi sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (10.2%) dan paun sterling (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-4.8%). Euro menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang lain disebabkan oleh kebimbangan mengenai hutang Kerajaan di beberapa ekonomi di kawasan euro. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (8.8%), peso Filipina (3.0%), baht Thailand (0.7%), dolar Singapura (0.5%) dan rupiah Indonesia (0.1%). Won Korea menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau berikutan ketegangan geopolitik yang memuncak di Asia Timur dan juga kebimbangan mengenai sektor luarnya.

Pada tempoh antara 1 Julai hingga 13 Ogos 2010, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (3.0%) dan yen Jepun (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.2%) dan paun sterling (-0.8%). Di rantau ini pula, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (2.9%), baht Thailand (2.1%), rupiah Indonesia (1.9%) dan peso Filipina (0.3%), namun menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-0.6%) dan dolar Singapura (-0.2%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2010)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S2 09	S1 10	S2 10	21 Jul 05	S2 09	S1 10
Dolar AS	3.8000	3.5225	3.2730	3.2575	16.7	8.1	0.5
Euro	4.6212	4.9699	4.3850	3.9785	16.2	24.9	10.2
Paun sterling	6.6270	5.8592	4.9326	4.9069	35.1	19.4	0.5
100 yen Jepun	3.3745	3.6729	3.5017	3.6787	-8.3	-0.2	-4.8
Dolar Singapura	2.2570	2.4302	2.3354	2.3242	-2.9	4.6	0.5
100 baht Thailand	9.0681	10.354	10.111	10.040	-9.7	3.1	0.7
100 peso Filipina	6.8131	7.3111	7.2236	7.0144	-2.9	4.2	3.0
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0345	0.0359	0.0359	7.7	-4.0	0.1
100 won Korea	0.3665	0.2754	0.2889	0.2655	38.0	3.7	8.8
Renminbi China	0.4591	0.5155	0.4795	0.4797	-4.3	7.5	0.0

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN DAN INSURANS

Kestabilan kewangan terus utuh sepanjang suku kedua disokong oleh kedudukan permodalan institusi kewangan yang kukuh. Aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Meskipun pasaran kewangan menunjukkan sedikit turun naik berikutan perkembangan berkaitan dengan krisis hutang Kerajaan di beberapa negara di Eropah, keadaan pasaran dalam negeri kekal baik.

Perkembangan dalam sektor perbankan

Sektor perbankan terus berdaya tahan hasil daripada permodalan yang tinggi, kualiti aset yang stabil dan kedudukan mudah tunai yang kukuh. Aktiviti pemberian pinjaman masih lagi memberangsangkan dan menyeluruh.

Nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.8% dan 12.9%. Penampan modal terus kukuh pada RM62.7 bilion dengan modal Tahap-1 mencakupi 75.2% daripada jumlah modal. Keuntungan sebelum cukai pada suku tersebut terus mapan, didorong sebahagiannya oleh pendapatan faedah bersih berikutan pengembangan berterusan dalam pembiayaan oleh bank.

Portfolio pinjaman suku kedua kekal berkualiti tinggi. NPL kasar (termasuk pinjaman terjejas) disokong secukupnya oleh perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi pada 93.1%. Paras pinjaman tertunggak stabil pada 4.4% daripada jumlah pinjaman.

Sistem perbankan terus mempunyai mudah tunai yang banyak dan dengan itu adalah lebih daripada mencukupi untuk memenuhi permintaan terhadap pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain. Penampan mudah tunai sistem perbankan bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan satu bulan kekal selesa pada 17.1% setiap satu (S1 10: 16.8% dan 16.9%). Sementara itu, nisbah pinjaman berbanding deposit kekal terurus pada 81.4% (S1 10: 79.1%).

Sistem Perbankan

	2009	2010	
	S2 09	S1 10	S2 10
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	904.0	945.4	972.3
Modal asas (RM bilion)	133.6	141.9	144.4
Nisbah modal wajaran risiko (%)	14.8	15.0	14.8
Nisbah modal teras (%)	13.1	13.3	12.9
Keuntungan sebelum cukai (RM juta)[1]	**1,863.0**	**5,302.8**	**5,826.2**
Nisbah pulangan atas ekuiti (%)	11.2	15.9	16.5
Nisbah pulangan atas aset (%)	1.0	1.5	1.5

[1] Keuntungan sebelum cukai bagi suku kedua 2009 mencerminkan peruntukan nilai terjejas tak berulang yang ketara bagi kerugian penilaian pelaburan luar negeri oleh sebuah bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (PTB)[2]

	2009	2010	
	S2	S1	S2
PTB bersih (RM juta)	15,791.6	15,366.3	17,717.7
		%	
Nisbah PTB Bersih	2.2	1.9	2.2
Nisbah PTB Kasar	4.5	3.6	3.6
Perniagaan Besar	4.7	4.9	5.2
Perusahaan Kecil & Sederhana	6.9	5.4	5.4
Isi rumah	3.9	2.8	2.5

[2] Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan *Financial Reporting Standards* (FRS) 139. Keperluan penggunaan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Bagi bank yang telah menggunakan FRS 139, paras PTB mencerminkan pinjaman nilai terjejas.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Nisbah Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan dalam sektor insurans dan takaful

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan dengan Nisbah Kecukupan Modal yang kukuh pada 223.5% (S1 10: 231%) dan lebihan modal pada RM18.5 bilion. Keberuntungan sektor ini terus mapan dengan jumlah keuntungan sebanyak RM3.5 bilion. Pendapatan premium terus memberangsangkan hasil daripada permintaan yang berterusan terhadap perlindungan insurans.

Lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi penanggung insurans hayat berjumlah RM3 bilion berikutan penurunan hasil tidak direalisasi bersih, khususnya daripada perniagaan berkaitan pelaburan. Perniagaan am mencatat keuntungan kendalian lebih tinggi disebabkan oleh pendapatan perniagaan motor dan kebakaran yang lebih tinggi serta pembayaran tuntutan yang lebih rendah.

Sektor Insurans dan Takaful: Keuntungan

	2009		2010		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM million				
Hayat/Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,251.9	5,240.0	2,923.3	2,956.9	5,880.2
Am					
Keuntungan operasi	530.0	841.7	526.7	577.5	1,104.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-6
"Transformasi Sistem Kewangan Antarabangsa dan Peranan Sistem Kewangan Islam"
Kuala Lumpur, 20 Mei 2010

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Ekonomi global ketika ini sedang berdepan dengan cabaran dan ketidaktentuan yang luar biasa. Krisis ekonomi dan kewangan global baru-baru ini yang tidak pernah terjadi sebelum ini telah mengakibatkan kerugian yang besar di seluruh dunia. Sistem kewangan global yang merudum telah mengakibatkan beberapa kegagalan termasuklah kegagalan bank, luluh kredit (credit crunch), kejatuhan pasaran asset, kemusnahan kekayaan yang besar, kejatuhan yang ketara dalam aliran perdagangan dan kewangan serta pengangguran yang meluas di kebanyakan bahagian di dunia. Bagi membendung kesan krisis kewangan terhadap ekonomi, langkah-langkah yang luar biasa telah dilaksanakan oleh penggubal-penggubal dasar di seluruh dunia. Dengan ekonomi global pada ketika ini semakin pulih, tumpuan kini beralih ke arah memperoleh penyelesaian yang lebih kekal untuk mengukuhkan ekonomi global agar krisis sebesar ini dapat dielakkan pada masa hadapan.

Beberapa langkah penting telah diambil oleh komuniti antarabangsa bagi meningkatkan lagi usaha untuk mereformasi dan mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa. Matlamatnya adalah untuk membina asas ekonomi global yang lebih kukuh dan lebih inklusif – iaitu dibina berasaskan pertumbuhan yang mampan dan kemakmuran yang dapat dikongsi dengan lebih meluas. Hakikatnya, iltizam global ini pada dasarnya adalah sesuai, serta menyerlahkan peranan dan kerelevanan kewangan Islam di persada ekonomi global dalam era pascakrisis. Kewangan Islam, melalui penekanan terhadap pencapaian matlamat sosioekonomi berlandaskan matlamat Syariah, mempunyai disiplin untuk mempertingkat peluang bagi memperkukuh ekonomi global dan kestabilan kewangan yang menyeluruh.

Prestasi kewangan Islam yang secara relatifnya lebih baik dan momentum pertumbuhannya yang mampan sepanjang tempoh kegawatan kewangan global ini telah memperlihatkan kekuatan dalamannya. Penekanannya terhadap hubungan yang kukuh dengan aktiviti ekonomi produktif yang mendorong ekonomi ke arah pengukuhan kewangan secara tidak berlebihan, penekanan terhadap kebertanggungjawaban, penzahiran dan ketelusan serta sekatan dan imbangan dalamannya, kesemuanya membentuk kekuatan kewangan Islam sebagai pengantaraan kewangan yang stabil, yang mengukuhkan prospeknya sebagai penyumbang pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan.

Meskipun jumlah dana yang diuruskan dalam sistem kewangan Islam masih lagi merupakan bahagian kecil daripada jumlah aset sistem kewangan antarabangsa, namun bahagian aktiviti kewangan ini adalah yang benar-benar disokong oleh keupayaan produktif yang mendasarinya bagi menjana pertumbuhan ekonomi merentas benua. Bentuk aktiviti kewangan seperti inilah yang perlu digalakkan, berbanding dengan aliran kewangan yang menjejaskan dan tidak menyumbang kepada penjanaan aktiviti ekonomi sebenar.

Usaha untuk mereformasi sistem kewangan antarabangsa oleh komuniti antarabangsa bertujuan untuk menangani pelbagai kepincangan dan kelemahan yang menjadi penyumbang kepada krisis baru-baru ini dan untuk mengembalikan keyakinan dalam integriti sistem kewangan global. Teras bagi agenda reformasi ini ialah pembangunan rangka kerja pengawalseliaan kewangan baharu yang lebih efektif dan berasaskan penekanan yang lebih mendalam terhadap etika, keadilan, dan

kebertanggungjawaban serta menggalakkan ekonomi, sosial dan persekitaran global yang mampan. Ia juga perlu berteraskan keseimbangan dalam menyokong pertumbuhan di samping mengekalkan kestabilan kewangan. Pembaharuan ini perlu berasaskan koordinasi antarabangsa yang lebih meluas dalam pendekatan pengawalan dan pengawasan penyeliaan dengan rangka kerja pengurusan krisis yang akan mengurangkan risiko sistemik dan kesan buruk daripada sebarang krisis kewangan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Reformasi ini termasuklah langkah-langkah meningkatkan kualiti dan tahap modal yang dipegang oleh institusi perbankan, mengukuhkan keperluan dan pengurusan risiko mudah tunai, pelaksanaan piawaian peruntukan yang mengambil kira masa depan, dan menjajarkan amalan ganjaran dengan prestasi jangka panjang. Langkah-langkah selanjutnya termasuk juga peningkatan dalam ketelusan dan pengukuhan rangka kerja penyeliaan serta pengaturan berhubung dengan pengawasan merentas sempadan terhadap kumpulan-kumpulan kewangan yang beroperasi di luar pesisir. Langkah-langkah ini juga telah diperkuat dengan pengukuhan pengawalan kehematan makro. Krisis ini memperlihatkan bahawa tindakan institusi perbankan dan institusi pembangunan lain secara kolektif telah menyumbang kepada peningkatan risiko yang nyata dalam sistem kewangan yang akhirnya menjejaskan kestabilan kewangan. Rangka kerja pengawalseliaan sedia ada juga diakui tidak memadai untuk menangani risiko sistemik. Hal ini telah mendorong kepada pendekatan yang lebih bersepadu terhadap pengawalan dengan pengukuhan yang ketara elemen-elemen kehematan makro dalam pengawalseliaan kewangan.

Kebimbangan utama terhadap penentukuran reformasi pengawalseliaan ialah kesan tidak dijangkakan yang boleh menjejaskan dengan ketara peranan penting sektor kewangan dalam ekonomi. Yang membimbangkan ialah kesan kumulatif daripada langkah-langkah baharu itu akan meningkatkan kos dan menjejaskan ketersediaan pembiayaan kepada ekonomi yang lebih meluas. Perlu ada keseimbangan antara kestabilan kewangan dalam jangka panjang dengan potensi peningkatan kos dalam pengantaraan kewangan. Keseimbangan ini perlu dalam menggabungkan sistem pengawalan dan penyeliaan yang lebih berpandangan jauh dan responsif kepada risiko; dan pada masa yang sama mempunyai struktur insentif yang wajar bagi institusi-institusi kewangan untuk menguruskan risiko dengan lebih berhemat dan mengukuhkan keadaan agar disiplin pasaran lebih berkesan.

Sementara sistem kewangan Islam secara umumnya menunjukkan prestasi yang baik semasa krisis kewangan global, beberapa pengajaran yang bernilai boleh diambil daripada krisis ini dalam usaha kita mengukuhkan lagi infrastruktur kewangan Islam bagi menjadi sistem kewangan yang lebih berdaya tahan dan stabil. Pada tahun 2009, Pasukan Petugas bagi Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global telah diwujudkan oleh Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) bagi menilai kewangan Islam semasa krisis kewangan global dan mengenal pasti infrastruktur kewangan yang diperlukan bagi mengukuhkan lagi asas sistem kewangan Islam. Laporan tersebut meneliti elemen konseptual yang terdapat dalam kewangan Islam dan kesannya terhadap kestabilan kewangan serta mempertimbangkan lapan lagi bidang pembangunan dalam arkitektur kewangan Islam bagi mempertingkat kemampuan untuk menghadapi persekitaran operasi yang lebih mencabar pada masa hadapan. Laporan itu siap pada bulan April tahun ini dengan matlamat untuk menyokong usaha antarabangsa menyediakan asas yang kukuh untuk kestabilan kewangan dalam sistem kewangan global.

Lapan bidang bagi mengukuhkan infrastruktur kewangan Islam tersebut memberi tumpuan pada keupayaan institusi pada peringkat domestik dan antarabangsa dengan matlamat untuk menyumbang kepada kestabilan kewangan global. Infrastruktur kewangan ini yang memberi tumpuan pada asas-asas penting dalam pembangunan kewangan Islam termasuk, pertama, memastikan

pelaksanaan piawaian kehematan yang berkesan; kedua, membangunkan infrastruktur pengurusan mudah tunai yang sistemik; ketiga, menyediakan jaringan keselamatan kewangan yang kukuh; keempat, menghasilkan rangka kerja pengurusan krisis dan penyelesaian yang berkesan; kelima, mengukuhkan lagi piawaian perakaunan, pengauditan dan penzahiran; keenam, mewujudkan pengawasan kehematan makro yang berkesan; ketujuh, menubuhkan institusi penarafan dan proses kredit yang boleh dipercayai; dan terakhir kelapan, mempertingkat kerjasama antarabangsa yang erat dan penyelarasan antara negara termasuk pembinaan keupayaan dan pembangunan tenaga mahir bagi menyokong usaha-usaha di peringkat nasional bagi memastikan kestabilan kewangan.

Kewangan Islam tidak wujud dalam keadaan terasing dan apabila menjadi komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan global, ia tidak akan dapat mengelak daripada impak perubahan landskap pengawalan kewangan. Hal ini penting khususnya apabila pertumbuhan kewangan Islam meningkat dari segi bilangan penyedia perkhidmatan dan jumlah perniagaan dan apabila proses pengantarabangsaan berterusan. Seruan global bagi menambah baik pengawalan dan meningkatkan pengawasan dalam persekitaran kewangan antarabangsa yang berbeza pada asasnya juga menghendaki kita untuk mempertingkat lagi usaha yang telah diambil selama ini bagi memperkukuh pengawalan kewangan untuk kewangan Islam.

Reformasi kewangan dalam kewangan Islam untuk menyokong inovasi yang berterusan dan bertanggungjawab khususnya, perlu memanfaatkan kekuatan dalaman yang membezakan kewangan Islam daripada kewangan lain bagi melaksanakan fungsinya dalam menggembleng dan mengagihkan sumber-sumber untuk menjana aktiviti ekonomi sebenar. Dalam kewangan Islam, inovasi merupakan penggerak utama pembangunan pasaran bagi menjana rangkaian produk dan perkhidmatan, proses dan juga fungsi. Kuncinya terletak pada usaha memelihara manfaat daripada inisiatif dan aktiviti inovatif dan pada masa yang sama memastikan ia tidak mengakibatkan eksternaliti yang negatif. Ini terhasil daripada paradigma tadbir urus, pendedahan dan ketelusan yang kukuh, di samping penekanan terhadap inovasi yang berteraskan matlamat Syariah dan sekali gus memberi manfaat kepada orang ramai.

Yang penting, kewangan Islam mempunyai ciri-ciri yang dapat membantu pengukuhan kewangan tanpa mengakibatkan lebihan kewangan (financial excesses) melalui asas Syariah yang memerlukan urus niaga kewangan Islam disokong oleh asas aktiviti ekonomi dan inovasi kewangan yang mempunyai tanggungjawab sosial. Selanjutnya, ciri-ciri perkongsian keuntungan dan perkongsian risiko urus niaga kewangan Islam memperkukuh insentif institusi kewangan Islam untuk melaksanakan usaha wajar yang bersesuaian terhadap urus niaga kewangan Islam bagi memastikan keuntungan adalah sepadan dengan risiko yang diambil. Lembaga Syariah institusi kewangan Islam juga berperanan menjalankan proses yang rapi bagi pengesahan pakar syariah, sekali gus memastikan bahawa kekuatan dalaman kewangan Islam benar-benar direalisasikan sepenuhnya. Ini dapat memastikan bahawa produk-produk yang ditawarkan bertujuan untuk memperoleh manfaat sebenar untuk pelabur, dengan itu mengurangkan kecenderungan terhadap tindakan yang ekstrem dalam sistem kewangan.

Baru-baru ini, perhatian dunia telah beralih daripada bank-bank bermasalah kepada negara-negara bermasalah yang sedang menghadapi risiko kerajaan yang semakin meningkat seterusnya membawa kepada perlaksanaan pakej penyelamat dan kebimbangan yang semakin bertambah terhadap penularan dalam pasaran kewangan di bahagian lain dunia. Sementara semua cabaran ini terus ditangani oleh ekonomi-ekonomi maju, ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun telah berjaya keluar daripada krisis ini dengan mencatat prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh. Rantau Asia, khususnya, telah mengharungi krisis ini berbekalkan asas ekonomi yang teguh serta sistem dan institusi kewangan yang lebih berdaya tahan. Oleh itu, kesan penularan di rantau ini adalah terhad. Pengantarabangsaan

kewangan Islam pada dekad ini telah memperkukuh lagi trend integrasi kewangan yang lebih meluas dalam ekonomi sedang pesat membangun. Hal ini telah memperkuat corak perubahan integrasi kewangan dan ekonomi global apabila hubungan kewangan dan ekonomi antara ekonomi sedang pesat membangun bertambah kukuh.

Dalam tempoh kebelakangan ini, berikutan berkembangnya dimensi antarabangsa bagi kewangan Islam, ia menjadi bentuk pengantaraan yang semakin penting yang memudahkan hubungan ekonomi antara ekonomi sedang pesat membangun. Selain itu, ia telah menarik penglibatan pusat-pusat kewangan yang lebih maju bagi membina hubungan kewangan yang lebih kukuh dengan rantau Asia dan Timur Tengah yang dinamik. Sesungguhnya, ini akan menyumbang kepada penggemblengan dana yang lebih cekap merentas rantau, memperkukuh kepentingan kewangan Islam sebagai satu saluran yang semakin penting dalam pembangunan ekonomi global yang lebih inklusif. Natijah daripada krisis ini, kewangan Islam akan terus menggalakkan hubungan baharu antara negara memandangkan peranan dan kerelevanannya yang lebih ketara, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan global yang lebih seimbang.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, prinsip kewangan Islam yang menjadi asas kepada fungsi pengantaraannya mengukuhkan potensi peranan dan kerelevanan kewangan Islam dalam memacu agenda pertumbuhan dan pembangunan ke arah memelihara kestabilan kewangan dan memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan antara negara. Dengan beroperasi berlandaskan peraturan-peraturan Syariah, kewangan Islam memperoleh kekuatannya daripada hubungan secara langsung dengan aktiviti ekonomi dan penekanan terhadap pengurusan risiko yang berhemat dan penzahiran dan ketelusan yang eksplisit. Dengan itu, kewangan Islam memastikan nilai aktiviti yang berdaya maju dalam menjana kekayaan yang mencukupi untuk menampung risiko yang terlibat. Kekuatan dalaman ini akan terus menjadi pemangkin untuk memacu peralihan kepada pertumbuhan dan pembangunan era baharu dalam dunia pascakrisis.

Dengan peralihan kewangan Islam ke fasa pembangunan yang seterusnya bersama-sama integrasi antarabangsa yang lebih pesat, manfaat besar yang akan diperoleh perlu diiringi dengan tahap daya tahan yang lebih tinggi yang perlu dipergunakan sebaik-baiknya bagi menguruskan cabaran-cabaran baharu pada masa hadapan. Usaha kolektif kita untuk menggembleng kerjasama global pada peringkat yang lebih tinggi dalam menggalakkan manfaat ini juga akan meningkatkan prospek kewangan Islam untuk menyumbang ke arah memperoleh kestabilan ekonomi global dan perkongsian kemakmuran ekonomi yang lebih besar.

Persidangan Antarabangsa Bank of Korea 2010
"Peranan Bank Pusat Yang Kian Berubah"
Seoul, 31 Mei 2010

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana diundang untuk berucap di "Persidangan Antarabangsa Bank of Korea 2010" tahun ini bersempena ulang tahun Bank of Korea yang ke-60. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah saya kepada Bank of Korea sempena peristiwa yang cukup istimewa ini. Dalam tempoh enam dekad ini, banyak pencapaian yang membanggakan dicatat oleh Bank of Korea. Malah sejak penubuhannya pada bulan Jun 1950 lagi, Bank of Korea telah berusaha dengan gigih untuk mewujudkan persekitaran makroekonomi yang stabil dan kondusif serta membina sistem kewangan yang berkesan, yang telah dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi Korea serta mengekalkan kemapanannya dalam jangka panjang.

Sesungguhnya dekad ini merupakan dekad paling mencabar buat para penggubal dasar, khususnya bagi Bank Pusat. Lewat tahun 1990-an, rantau Asia dilanda krisis yang teruk dan kira-kira sedekad selepas itu, dunia pula dilanda krisis kewangan dengan tahap penularan yang belum pernah dialami sebelum ini. Meskipun kedua-dua krisis tersebut telah mengakibatkan rantau Asia terjejas dengan teruk, namun pemulihan berlaku dengan pantas. Bank of Korea telah melaksanakan langkah tindak balas dasar yang berani terhadap pelbagai cabaran besar yang dihadapinya pada tempoh ini, dan hasil yang berjaya dicapai membuktikan keberkesanan langkah-langkah tersebut. Kini tahap keyakinan semakin tinggi dan Korea diiktiraf sebagai antara ekonomi paling cepat pulih daripada krisis. Malah daya usaha Bank of Korea yang luar biasa ini menjadi elemen penting dalam menyumbang kepada keteguhan daya tahan ekonomi Korea.

Dengan sifat globalisasi yang semakin berubah dan inovasi kewangan yang bertambah giat, dunia menjadi semakin rumit dan sukar untuk diramal. Apabila trend orientasi perdagangan yang lebih meluas berterusan, perubahan dalam kelebihan berbanding dan perubahan dalam hala tuju permintaan global telah mengubah corak perdagangan ekonomi global. Di samping itu, pembiayaan melalui penggunaan simpanan (financialisation of savings) dan pempelbagaian dana dalam pasaran kewangan telah menambah impak pasaran kewangan terhadap sektor ekonomi benar memandangkan prestasi pasaran kewangan turun naik. Ekoran integrasi yang lebih rapat antara pasaran kewangan merentas sempadan, kesan penularan berpotensi untuk bergerak dengan lebih pantas daripada satu sistem kewangan kepada bahagian lain di dunia. Dalam persekitaran baharu ini, kebergantungan yang lebih tinggi antara ekonomi dengan sistem kewangan hasil daripada kesalinghubungan yang kuat telah meningkatkan risiko penularan.

Pada masa yang sama, pusat-pusat pertumbuhan ekonomi baharu mulai berkembang lalu membentuk landskap ekonomi dan kewangan ekonomi dunia. Ekonomi sedang pesat membangun di Amerika Latin, Timur Tengah dan Asia telah menjadi pusat-pusat yang penting dalam ekonomi global. Trend ini membentuk dunia yang kian pelbagai sifatnya dan juga kuasa ekonomi dunia yang kini lebih tersebar. Di Asia, peranan permintaan dalam negeri yang semakin penting, kualiti tenaga kerja yang lebih tinggi dan sistem kewangan yang lebih maju serta berdaya tahan telah menyumbang kepada prestasi yang kukuh ini. Sementara hubungan global yang kukuh terus menjadi

unsur penting dalam proses pertumbuhan ini, dekad ini menyaksikan pengembangan ketara dalam perdagangan antara rantau di Asia, yang meningkat daripada 32% daripada jumlah perdagangan pada tahun 1995, dan kini melebihi 50%. Trend ini telah berjaya menjana pertumbuhan yang bersifat saling memperkukuh di rantau ini.

Meskipun trend ini berjaya mengurangkan kesan yang dihadapi oleh rantau Asia apabila berlakunya kejutan permintaan luar dan bekalan, fenomena baharu yang muncul, iaitu integrasi kewangan antarabangsa yang lebih meluas, menunjukkan bahawa tiada sebuah negara pun yang dapat mengelakkan daripada terkena kesan penularan kejutan luar dan krisis kewangan di negara lain. Dalam persekitaran baharu yang bercirikan integrasi kewangan antarabangsanya yang lebih padu, perkembangan dalam sesuatu kelas aset dalam sesebuah pasaran yang beribu batu jauhnya boleh menular ke kelas aset, pasaran dan bahagian lain dunia. Keterdedahan kewangan melalui pasaran ketiga juga menjadi suatu perkara lazim memandangkan penjualan aset kerap berlaku dalam pasaran yang berfungsi dengan baik dan berprestasi tinggi untuk memenuhi obligasi pasaran lain yang dilanda kegawatan atau kemerosotan. Fenomena ini jelas berlaku semasa tempoh pasca-Lehman apabila terdapatnya aliran keluar yang besar dari rantau Asia berikutan aktiviti pembayaran balik hutang oleh sektor kewangan dalam beberapa ekonomi maju. Faktor bahawa dunia semakin berkait rapat menggambarkan bahawa sebarang risiko sistemik akan menular dengan lebih meluas dan ketara berbanding dahulu.

Kesemua perubahan penting yang berlaku dalam persekitaran kewangan pada peringkat negara dan antarabangsa telah menyebabkan usaha dipergiatkan untuk mencari penyelesaian yang boleh mengurangkan kemungkinan berulangnya bencana kewangan sedemikian pada masa hadapan. Usaha ini melibatkan penilaian semula peranan yang sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada Bank Pusat. Walau bagaimanapun, perlu diketahui bahawa tiada rangka tindakan yang khusus bagi reka bentuk pengaturan keinstitusian sesebuah Bank Pusat dan pengaturan tersebut perlu relevan dan sesuai mengikut keadaan masing-masing. Malah, peranan Bank Pusat nyata semakin pelbagai, daripada mandat yang hanya terhad untuk mengekalkan kestabilan harga kepada mandat yang lebih luas yang meliputi pengekalan kestabilan kewangan, penyeliaan dan pengawalseliaan fungsi sektor kewangan, memastikan operasi pasaran kewangan kekal teratur, menangani ketidakseimbangan kewangan, menerajui inisiatif penyelesaian kewangan dalam pengurusan krisis, dan akhirnya, memacu pembangunan sistem kewangan. Ucapan saya hari ini akan tertumpu pada mandat dan peranan Bank Pusat dari perspektif ekonomi sedang pesat membangun, khususnya dalam konteks Asia.

Peranan negara

Dua dekad kebelakangan ini telah menyaksikan reformasi menyeluruh Bank Pusat di beberapa bahagian dunia lantas membangkitkan perdebatan hangat mengenai dua trend khusus yang muncul. Pertama, tumpuan yang beralih kepada mandat tunggal untuk memastikan kestabilan harga sebagai fungsi teras Bank Pusat yang sering diikuti oleh penerapan rangka kerja penyasaran inflasi (inflation targeting). Kedua, penubuhan entiti berasingan untuk menyelia bank, meskipun lebih separuh daripada Bank Pusat di seluruh dunia masih lagi memikul tanggungjawab penyeliaan. Selepas krisis kewangan global baru-baru ini, usaha diteruskan untuk merumuskan rangka kerja yang sesuai untuk mencapai kestabilan monetari dan membentuk struktur keinstitusian yang optimum bagi pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan, mungkin kali ini dengan lebih bersungguh-sungguh.

Sebelum tercetusnya krisis kewangan baru-baru ini, ramai yang berpendapat bahawa Bank Pusat perlu melaksanakan strategi dasar 'satu alat dan satu sasaran'. Berdasarkan pendapat ini, peranan paling wajar Bank Pusat dalam menggalakkan kestabilan makroekonomi dan kemakmuran adalah dengan memastikan supaya inflasi kekal pada paras rendah. Namun, krisis baru-baru ini mengubah persepsi ini. Pengekalan kestabilan

harga dan kestabilan kewangan bukanlah aspirasi mutlak. Matlamat akhir sebenarnya adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran yang berterusan. Selain itu, tugas memastikan pasaran kewangan terus berfungsi dengan teratur kini merupakan peranan penting Bank Pusat memandangkan pasaran tersebut boleh mempengaruhi fungsi dan prestasi sektor ekonomi benar.

Bagi ekonomi sedang pesat membangun di Asia, Bank Pusat di rantau ini sentiasa memainkan peranan penting dalam memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan baik. Berdasarkan tahap kemajuan pasaran kewangan dan saiznya secara relatif dalam sistem kewangan antarabangsa, keadaan pasaran yang tidak teratur yang tidak dapat diseimbangkan dengan sendirinya lazimnya akan menjejaskan prestasi ekonomi benar. Hal ini terbukti semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan 1998. Sepuluh tahun kemudian, beberapa reformasi dan inisiatif kewangan dilaksanakan di rantau ini, termasuk penyahkawalseliaan dan penggalakan orientasi pasaran yang lebih meluas, pembangunan infrastruktur kewangan domestik dan perundangan sokongan, penambahan rangkaian instrumen yang boleh digunakan oleh Bank Pusat dan pengukuhan keupayaan pengawasan oleh Bank Pusat.

Perkembangan ini berjaya membuahkan hasil yang memberangsangkan buat rantau Asia. Daya tahan yang lebih kukuh telah membolehkan kebanyakan pasaran kewangan di Asia dapat menyerap kesan ketidakstabilan akibat kemelut pasaran kewangan global baru-baru ini. Yang lebih penting ialah proses pengantaraan kewangan dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan. Ini bukan sahaja membolehkan pasaran untuk membantu transmisi dasar bahkan menyokong pemulihan aktiviti ekonomi sektor swasta.

Sama pentingnya ialah peranan Bank Pusat dalam menangani isu meningkatnya ketidakseimbangan kewangan yang bukan sahaja boleh menjejaskan kestabilan kewangan bahkan kestabilan makroekonomi. Meskipun kadar faedah menjadi alat penting dalam usaha ini, kebanyakan Bank Pusat di Asia lebih banyak bergantung pada langkah kehematan makro. Langkah-langkah kehematan yang diterima pakai sejak tahun 1990-an telah berjaya membendung ketidakseimbangan kewangan yang semakin meningkat lantas mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Melangkah ke hadapan, dunia berkemungkinan akan terus dilanda krisis kewangan. Sejarah telah menunjukkan bahawa lebih daripada seratus krisis perbankan yang berbeza telah tercetus dalam dua dekad kebelakangan ini. Bagi mengatasi krisis sedemikian, daya tahan perlu diperteguh seiring dengan langkah pengukuhan keupayaan menguruskan krisis. Pengaturan keinstitusian untuk mencapai kestabilan kewangan terus menjadi topik utama perdebatan. Malah isu utama pula tertumpu pada peranan bank pusat dalam kestabilan kewangan, dan sama ada perlunya pihak berkuasa penyeliaan yang tunggal atau berbilang. Memandangkan bank pusat merupakan pemberi pinjaman usaha akhir (lender-of-last-resort), ia selalunya memacu langkah-langkah untuk memulihkan kestabilan. Meskipun tiada persetujuan umum mengenai struktur optimum bagi fungsi penyeliaan, sistem kewangan diakui semakin rumit dan saling terhubung. Sama ada sesebuah negara menerima pakai model yang bersepadu atau model yang disusun mengikut sektor, penyelarasan yang berkesan adalah amat penting agar usaha untuk memelihara kestabilan kewangan adalah berkesan.

Sebagai entiti yang bertanggungjawab terhadap dasar monetari, Bank Pusat perlu mengawasi keadaan makroekonomi. Semasa menjalankan operasi pasaran wang terbuka dan pengurusan rizab antarabangsa, Bank Pusat berhubung secara langsung dengan pasaran kewangan. Oleh itu, Bank Pusat boleh mendapatkan maklumat berguna yang boleh menyumbang ke arah penyeliaan kewangan berdasarkan maklumat, termasuk dalam mereka bentuk dan melaksanakan langkah dasar kehematan makro. Bank Pusat juga merupakan entiti terbaik untuk membuat pertimbangan yang wajar sekiranya terdapat matlamat yang bercanggah. Dalam keadaan tersebut, pengaturan keinstitusian yang agak

terpisah-pisah sering menyebabkan kelewatan dan kompromi dalam tindak balas dasar. Di samping itu, kebertanggungjawaban terhadap keputusan yang diambil juga kurang jelas.

Akhirnya, Bank Pusat turut memainkan peranan yang amat penting untuk membendung dan menguruskan krisis, khususnya dalam menyediakan mudah tunai, menghalang gangguan terhadap fungsi sistem kewangan dan memulihkan kestabilan dan keyakinan terhadap sistem kewangan. Untuk mengelakkan pendekatan yang tidak seragam oleh mana-mana agensi dalam sistem serta memastikan tindak balas menyeluruh terhadap krisis kewangan, pengaturan keinstitusian bagi penyelarasan yang lebih bersepadu merentas agensi adalah penting untuk membolehkan tindakan segera diambil. Antara langkah yang boleh diambil ialah suntikan modal, jaminan hutang dan pembelian aset dalam usaha untuk membendung dan menguruskan krisis.

Peranan serantau

Pada peringkat serantau, peranan Bank-bank Pusat di Asia Timur dalam dekad ini telah mencapai tahap usaha sama dan kerjasama yang baharu. Berikutan krisis kewangan Asia, usaha tertumpu pada lima bidang utama, iaitu mempertingkatkan keberkesanan **pengawasan** ekonomi dan kewangan serantau, meningkatkan kaedah **pengurusan krisis** serantau yang diperkukuh oleh **mekanisme sokongan** serantau, membangunkan **infrastruktur kewangan** serantau termasuk pasaran bon dan sistem pembayaran dan penyelesaian, memperkukuh **kestabilan kewangan** serantau, dan akhir sekali, menggembleng usaha untuk **membina keupayaan** agar dapat meningkatkan keberkesanan Bank Pusat di rantau ini.

Melangkah ke hadapan, keutamaan Asia adalah untuk mempercepat integrasi kewangan serantau. Untuk mencapai matlamat ini dalam persekitaran serantau yang stabil, usaha memperkukuh kerjasama juga bertujuan untuk menguruskan risiko dan kelemahan rantau ini. Pada tahun 2006, Bank Pusat Asia Timur menubuhkan jawatankuasa kestabilan monetari dan kewangan sebagai forum untuk membincangkan risiko terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau. Di samping itu, ASEAN+3, iaitu kumpulan kecil dalam jawatankuasa tersebut telah mengambil langkah-langkah kukuh untuk melaksanakan multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai agar menjadi rangka kerja yang lebih canggih dan kukuh supaya inisiatif pengumpulan dan penggunaan sokongan mudah tunai di rantau ini menjadi lebih berkesan. Meskipun rantau ini amat pelbagai sifatnya, namun dalam bidang kerjasama dan usaha sama sebegini, hubungan erat sesama negara di rantau ini terbukti apabila mereka sama-sama berganding bahu untuk menangani satu demi satu cabaran yang timbul berikutan wujudnya persekitaran baharu.

Kesimpulan

Akhir kata saya ingin menyimpulkan bahawa dunia telah banyak berubah dan pasti akan terus berubah. Bank Pusat perlu melaksanakan proses transformasi dan modenisasinya sendiri agar dapat terus melaksanakan tugasnya dengan berkesan dalam persekitaran baharu di samping boleh bertindak balas terhadap sebarang cabaran baharu. Bank Pusat juga perlu mempunyai asas yang kukuh untuk mengekalkan status bebasnya dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Keupayaan dan kebolehan kita hendaklah sentiasa dipertingkatkan agar kita mampu bangkit untuk menyahut cabaran yang mendatang dalam persekitaran baharu ini. Perubahan yang ketara mungkin perlu dibuat terhadap pengaturan tadbir urus, perundangan yang memberikan kuasa, kemahiran yang diperlukan, peranan komunikasi, pengurusan dan pembangunan modal insan dan budaya organisasi. Yang pasti, inisiatif bina upaya merupakan bidang kerjasama di rantau Asia yang perlu diteruskan.

Melangkah ke hadapan, peranan Asia dalam sistem ekonomi dan kewangan global akan menjadi lebih ketara. Dengan adanya hubungan erat sesama negara di rantau ini, dan dengan negara lain di dunia, peluang adalah cerah untuk mencapai kestabilan yang berterusan dan prospek pertumbuhan yang lebih menggalakkan pada masa akan datang demi manfaat ekonomi serantau dan seluruh dunia.

Official Monetary and Financial Institutions Forum (OMFIF) "Ucapan Penerimaan Anugerah Visi Asia" London, 30 Jun 2010

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di sini hari ini untuk menerima Anugerah Visi Asia daripada Official Monetary and Financial Institutions Forum (OMFIF). Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lord Desai atas pujian dalam ucapan pengenalan beliau dan kepada lembaga penasihat OMFIF atas pengiktirafan ini. Sebagai seorang penggubal dasar dari sebuah ekonomi sedang pesat membangun di Asia – selama hampir tiga dekad – ia merupakan suatu pengalaman yang memberangsangkan dan amat memuaskan. Meskipun berhadapan dengan cabaran yang amat besar, terutamanya semasa krisis kewangan Asia, ekonomi Asia kini menjadi semakin kukuh dan lebih berdaya tahan.

Dekad ini telah menyaksikan perubahan yang dramatik dalam proses globalisasi. Ketika proses ini menjadi lebih giat, ekonomi Asia telah menunjukkan fleksibiliti untuk berubah dan bertindak balas terhadap peluang dan cabaran yang muncul. Gelombang permulaan globalisasi adalah dalam bentuk perdagangan. Ini diikuti oleh globalisasi syarikat dan terkini globalisasi aliran kewangan. Krisis kewangan dan ekonomi global yang berlaku baru-baru ini menuntut supaya dasar diglobalisasikan memandangkan dasar pada peringkat kebangsaan adalah terhad selain keperluan untuk menangani perkembangan merentas sempadan yang mempunyai implikasi terhadap sistem kewangan domestik dan seterusnya ekonomi dalam negeri.

Ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa telah memasuki era baharu. Kini sedang berlaku transformasi asas landskap global. Hasil daripada perbezaan yang semakin nyata dalam prestasi pertumbuhan antara negara maju dengan negara sedang pesat membangun, kuasa ekonomi dalam ekonomi global menjadi semakin tersebar. Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) menganggarkan bahawa daripada keseluruhan keluaran ekonomi global, keluaran daripada ekonomi sedang pesat membangun akan mengatasi keluaran negara maju menjelang tahun 2011. Menjelang tahun 2030 pula, ekonomi negara sedang pesat membangun dijangka mencakupi 60% daripada jumlah keluaran dunia.

Oleh itu, manfaat daripada globalisasi menjadi lebih seimbang. Pada tahun 2000, negara sedang pesat membangun mencakupi 80% daripada jumlah penduduk dunia tetapi hanya menjana 40% daripada pendapatan global. Menjelang tahun 2030, dianggarkan sebanyak 85% daripada jumlah penduduk negara sedang pesat membangun akan menjana pendapatan sebanyak 60%. Anggaran ini diperkukuh lagi oleh peningkatan perdagangan antara negara-negara sedang pesat membangun. Walaupun perdagangan dunia telah meningkat empat kali ganda antara tahun 1990 hingga tahun 2008, aliran perdagangan antara ekonomi sedang pesat membangun bertambah 10 kali ganda.

Rantau Asia merupakan sebahagian besar daripada proses anjakan global yang sedang berlaku. Berikutan transformasi ekonomi dan kewangan yang ketara selama sedekad, Asia telah muncul sebagai pusat pertumbuhan utama dalam ekonomi global. Asia kini mencakupi satu pertiga daripada keluaran dunia dan 28% daripada perdagangan dunia. Perkembangan dan pembangunan ini telah membuka peluang pekerjaan dan memperbaiki keadaan kehidupan serta membantu jutaan penduduk keluar daripada kancah kemiskinan. Walaupun Asia merupakan salah sebuah rantau yang penuh dengan kepelbagaian dalam ekonomi global, namun ia mampu mengambil manfaat

daripada sifat saling melengkapi dalam rantau ini untuk menghasilkan pengembangan yang besar dalam perdagangan serantau selain aktiviti pelaburan dan juga peningkatan aliran kewangan serantau.

Visi Asia

Anugerah ini melambangkan kepentingan Asia yang semakin meningkat dalam ekonomi dunia. Izinkan saya menyentuh mengenai tiga trend utama di Asia yang mungkin mempengaruhi peranan Asia di dunia ketika kita melangkah ke hadapan. Pertama, peranan permintaan dalam negeri serantau yang meningkat di Asia bagi keluaran serantau dan global. Kedua, peranan Asia dalam pengantaraan dana di Asia yang lebih cekap hasil daripada integrasi kewangan serantau yang lebih mantap. Ketiga, strategi dasar yang diterima pakai oleh rantau ini bagi menangani cabaran dan sebagai model bagi pengurusan hubungan antarabangsa.

Transformasi ekonomi Asia dalam dekad ini telah menjadikan Asia sebagai sumber permintaan terkumpul yang penting dalam ekonomi global. Pendapatan yang meningkat, kadar pengangguran yang rendah, struktur demografi generasi muda yang lebih cenderung untuk berbelanja, kadar hutang isi rumah yang secara relatif rendah dan dasar yang menggalakkan penggunaan telah merangsang permintaan penggunaan. Langkah-langkah lain yang sedang dijalankan termasuklah penyediaan jaringan keselamatan sosial dalam bentuk skim dan program untuk pendidikan, penjagaan kesihatan, faedah persaraan dan pengangguran. Ini bukan sahaja telah menyebabkan pengembangan yang besar dalam sektor perdagangan runcit di rantau ini bahkan menjadikan Asia sebagai pengguna yang semakin penting dalam ekonomi global.

Aktiviti pelaburan swasta juga telah kembali giat setelah melalui tempoh kapasiti berlebihan yang disebabkan oleh pelaburan yang terlalu banyak sebelum tercetusnya krisis kewangan Asia. Terdapat juga rancangan untuk pelaburan secara besar-besaran dalam pembangunan infrastruktur di rantau ini. Walaupun Asia mempunyai keupayaan dalaman daripada simpanannya yang tinggi bagi membiayai pelaburan ini, permintaan yang lebih tinggi terhadap import hasil daripada pelaburan ini boleh terus mengurangkan jurang ketidakseimbangan ekonomi global. Penggunaan dalam negeri dan permintaan terhadap pelaburan yang lebih ketara di Asia juga disokong oleh sistem kewangan yang diperkukuh dan lebih maju. Tahap hutang sektor korporat yang secara relatif rendah dan akses kepada pembiayaan yang berterusan telah menyokong trend ini.

Meskipun integrasi ekonomi serantau sememangnya telah menjadi sebahagian daripada landskap ekonomi Asia, integrasi kewangan serantau merupakan suatu fenomena baharu. Walaupun integrasi kewangan serantau akan memudahkan hubungan perdagangan dan pelaburan yang sedia kukuh di rantau ini, namun aspek integrasi kewangan yang lebih penting bagi Asia ialah ia akan memudahkan pengantaraan dana yang lebih cekap di Asia. Pasaran kewangan Asia yang lebih maju dan inisiatif berterusan untuk meliberalkan sektor kewangan juga akan mengeratkan saling hubungan antara pasaran kewangan tradisional dengan pusat kewangan baharu di negara sedang pesat membangun yang lain. Melangkah ke hadapan, produk daripada pasaran kewangan Asia dijangka menjadi semakin penting sebagai suatu kelas aset. Ini akan meningkatkan potensi untuk mempelbagaikan risiko selain menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan antarabangsa. Ia juga akan menambah pilihan buat pelabur dan peminjam, lantas menyumbang kepada peruntukan sumber kewangan merentas sempadan yang lebih cekap. Di samping itu, pembangunan pasaran modal di rantau Asia akan berperanan penting dalam menyalurkan kembali sebahagian daripada simpanan Asia yang besar kepada pelaburan yang produktif di rantau ini. Dengan liberalisasi sektor kewangan dan akaun modal yang semakin meningkat, rantaian sistem pembayaran negara yang lebih luas di Asia, serta terdapatnya lebih banyak institusi serantau dalam sesebuah sistem

kewangan domestik, trend aliran kewangan yang meningkat di rantau ini akan berterusan. Memandangkan prospek ekonomi Asia yang menggalakkan dan pasaran kewangannya yang lebih maju, Asia telah pun berupaya menarik aliran modal yang tidak menentu.

Walau bagaimanapun, laluan yang diambil oleh Asia untuk menjalin integrasi kewangan yang lebih kukuh adalah berbeza daripada Eropah. Tidak seperti di Kesatuan Eropah, Asia belum lagi meneroka usaha untuk mempunyai institusi berpusat bagi menyelaraskan integrasi kewangan. Sebaliknya, ia memanfaatkan kumpulan serantau dan rangkaian sedia ada untuk menjalin kerjasama yang lebih erat dalam bidang-bidang kepentingan bersama. Kedua, rancangan untuk mempunyai mata wang bersama bukan merupakan agenda Asia dalam jangka sederhana. Bagi mengurangkan risiko kadar pertukaran dan memudahkan perdagangan dan pelaburan antara rantau, negara-negara Asia telah memutuskan untuk menggunakan mata wang negara masing-masing bagi tujuan penyelesaian perdagangan.

Izinkan saya menyentuh mengenai dasar dan strategi yang digunakan di Asia. Asia cenderung untuk tidak mematuhi ideologi tegar tetapi sebaliknya memberi tumpuan pada pembinaan institusi dan pembangunan pasaran kewangan, mengukuhkan sistem pembayaran dan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan. Malah, banyak pembaharuan yang kini sedang dibincangkan secara meluas bagi menangani kelemahan yang terdapat dalam sistem kewangan global semasa berlakunya krisis, sebenarnya telah pun dilaksanakan terlebih dahulu di Asia. Ini termasuk penggunaan rangka kerja mudah tunai yang kukuh, amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang diperkukuh, jaringan keselamatan kewangan yang menyeluruh dan pelaksanaan langkah-langkah kitaran berbalas (counter-cyclical) seperti nisbah pinjaman berbanding nilai. Walaupun reformasi kewangan selama sedekad telah membuahkan hasil, usaha pengawasan serantau yang meningkat, pengurusan krisis, pengaturan sokongan mudah tunai dan penyeliaan kewangan serta pembangunan pasaran kewangan serantau terus menjadi fokus utama pada masa akan datang.

Kesimpulan

Sebagai mengakhiri ucapan ini, ingin saya nyatakan bahawa ekonomi global sesungguhnya sedang mengalami suatu anjakan yang asas dan penting. Rantau Asia berada betul-betul di tengah-tengah anjakan ini. Sambil Asia menjadi sumber permintaan yang semakin meningkat dan dengan bertambahnya kesepaduan kewangan Asia yang menjadikannya lebih berhubung kait dengan seluruh dunia, dan ketika Asia terus memperkukuh ketahanannya, kini tiba masanya buat Asia untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam ekonomi global.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat bersama, iaitu pertumbuhan global yang seimbang dan kepentingan kestabilan kewangan global bersama, Asia mempunyai potensi dan boleh menjadi platform bagi kerjasama yang bermakna ke arah mencapai penyelesaian dan kemajuan global yang mapan dalam dunia yang semakin saling berkait ini.

KALENDAR PERISTIWA
April – Jun 2010

1 April 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan akan menjadi tuan rumah Forum Kewangan Islam Global Ke-2 (GIFF 2010). Dengan bertemakan 'Kewangan Islam: Peluang Masa Hadapan', GIFF 2010 akan berlangsung dari 25 hingga 28 Oktober 2010 di Kuala Lumpur. GIFF 2010, yang merupakan forum bertaraf antarabangsa yang utama dalam kalendar kewangan Islam, akan menganjurkan pelbagai program serentak peringkat tinggi untuk mempertemukan pengawal selia, cendekiawan dan peserta industri kewangan yang merupakan pendorong utama dalam pembentukan kewangan Islam secara global.

16 April 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Kementerian Kewangan telah meluluskan pengeluaran lesen bank perdagangan kepada sebuah syarikat yang akan diperbadankan di Malaysia, yang akan ditubuhkan oleh Bank of Baroda (40%), Indian Overseas Bank (35%) dan Andhra Bank (25%). Lesen ini merupakan lesen yang diberikan semula kepada sebuah bank perdagangan dari India yang sebelum ini pernah beroperasi di Malaysia. Penyertaan bank perdagangan India yang baharu ini akan memperkukuh lagi hubungan ekonomi dan kewangan antara Malaysia dengan India.

10 Mei 2010

Kementerian Kewangan mengumumkan terbitan Sukuk 1Malaysia 2010 berjumlah RM3 bilion pada 21 Jun 2010 dan pelantikan Bank Negara Malaysia sebagai penerbit sukuk ini bagi pihak Kerajaan. Sukuk yang diterbitkan tanpa skrip dan berlandaskan prinsip Syariah ini merupakan instrumen pelaburan tambahan untuk warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas. Sukuk ini mempunyai tempoh matang 3 tahun dan menawarkan pulangan 5% setahun. Sukuk ini mempunyai ciri penjualan semula yang membolehkan pelabur menjual dan membeli sukuk sebelum tarikh matang. Pada 23 Jun 2010, Kementerian Kewangan mengumumkan bahawa sebanyak RM2.4 bilion Sukuk 1Malaysia 2010 telah diagihkan kepada 74,781 pelabur.

11 Mei 2010

Kementerian Kewangan mengumumkan cadangan Malaysia untuk meningkatkan had insurans deposit kepada RM250,000 daripada had semasa sebanyak RM60,000 berkuat kuasa bulan Januari 2011 sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh perlindungan pengguna kewangan bagi rakyat Malaysia selain untuk terus memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia. Kerajaan, melalui Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dijangka membentangkan cadangan tersebut di Parlimen dan menyiapkan proses perundangan sebelum akhir tahun ini. PIDM juga akan merumuskan perundangan bagi memperkenalkan Skim Pampasan Insurans yang eksplisit untuk para pemegang polisi insurans dan takaful. Ini bagi memastikan para pemegang polisi insurans dan takaful akan dapat menikmati tahap perlindungan pengguna yang sama dengan perlindungan yang diberikan oleh PIDM kepada para penyimpan di bank perdagangan dan bank Islam.

13 Mei 2010

Pada mesyuarat ketiganya bagi tahun 2010, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia mengambil keputusan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.50 peratus. MPC mengambil keputusan untuk menyelaraskan OPR bagi mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih wajar. Pada paras OPR yang baharu ini, pendirian dasar monetari akan kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.1% pada suku pertama tahun 2010, dipacu oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan permintaan luar negeri yang bertambah baik. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang positif pada suku tersebut, dipacu terutamanya oleh pertumbuhan kukuh sektor perkilangan dan perkhidmatan.

19 Mei 2010

Bank Negara Malaysia dan Australian Treasury menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memudahkan kerjasama merentas sempadan dalam industri perkhidmatan kewangan, termasuk kewangan Islam dan pengawalseliaan produk kewangan. MoU ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan perniagaan strategik jangka panjang dalam kewangan konvensional dan kewangan Islam antara Malaysia dengan Australia. Usaha-usaha tersebut merupakan langkah penting dalam menjalin usaha sama antara Malaysia dengan Australia bagi mewujudkan sinergi yang lebih baik ke arah memperkukuh hubungan antara kedua-dua pusat kewangan utama ini.

20 Mei 2010

Dalam ucaptama beliau di Forum Ekonomi Islam Sedunia ke-6 di Kuala Lumpur, Dr. Zeti menyatakan bahawa walaupun sistem kewangan Islam menunjukkan prestasi yang pada amnya baik semasa krisis kewangan global, beberapa pengajaran telah diperoleh untuk menjadikan sistem kewangan itu lebih kukuh. Beliau juga menyatakan bahawa beberapa bidang pembangunan tambahan bagi kewangan Islam telah dikenal pasti untuk mempertingkat keupayaannya apabila berhadapan dengan persekitaran yang lebih mencabar pada masa hadapan. Antara bidang yang dikenal pasti ialah usaha memastikan pelaksanaan piawaian kehematan yang berkesan, pembangunan infrastruktur pengurusan mudah tunai yang sistemik dan penubuhan jaringan keselamatan kewangan yang kukuh.

31 Mei 2010

Dalam ucaptama beliau di Persidangan Antarabangsa Bank of Korea 2010 di Seoul, Gabenor menyatakan bahawa bank-bank pusat perlu melaksanakan transformasi dan modenisasinya sendiri untuk kekal efektif dan responsif. Beliau menambah bahawa bank-bank pusat perlu terus mempertingkat usaha untuk meninggikan keupayaan dan bina upaya mereka supaya berada pada kedudukan yang baik selain berkeupayaan untuk menyahut cabaran yang mendatang dalam persekitaran baharu ini. Ini akan melibatkan perubahan yang ketara terhadap pengaturan tadbir urus, kuasa perundangan, keperluan kemahiran, peranan komunikasi, pengurusan modal insan dan pembangunan budaya organisasi.

3 Jun 2010

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) melancarkan pencarian pada peringkat global untuk mengiktiraf dan menghargai individu yang telah memberikan sumbangan yang besar terhadap kemajuan kewangan Islam. Dengan diterajui oleh inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), anugerah ini diiktiraf sebagai tanda aras global dalam mengenal pasti individu yang unggul yang telah menjadi inspirasi serta memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan kewangan Islam di seluruh dunia. Anugerah ini unik kerana ia menekankan rekod kecemerlangan dan sumbangan unggul seseorang individu dalam pembangunan dan kemajuan kewangan Islam global.

15 Jun 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan Dato' Muhammad Ibrahim sebagai Timbalan Gabenor untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 16 Jun 2010. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan pelantikan Dato' Ooi Sang Kuang sebagai Penasihat Khas untuk tempoh setahun sebaik tempoh perkhidmatan beliau sebagai Timbalan Gabenor selama lapan tahun tamat. Pelantikan Puan Jessica Chew Cheng Lian sebagai Penolong Gabenor untuk sektor pengawalseliaan turut diumumkan hari ini.

17 Jun 2010

Bank Negara Malaysia mengeluarkan lima lesen perbankan perdagangan kepada anak syarikat milik penuh institusi perbankan - BNP Paribas SA, Perancis; Mizuho Corporate Bank, Jepun; National Bank of Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu; PT Bank Mandiri (Persero) Tbk., Indonesia; dan Sumitomo Mitsui Banking Corporation, Jepun. Bank-bank perdagangan baharu ini dijangka menambahkan lagi kepelbagaian industri perkhidmatan kewangan Malaysia, menyokong bidang pertumbuhan baharu termasuk teknologi hijau, serta membantu transformasi ekonomi Malaysia ke arah mencapai status ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi. Dengan adanya bank-bank tersebut, hubungan antarabangsa Malaysia akan diperkukuh lagi melalui aliran perdagangan antarabangsa dan pelaburan antara Malaysia dengan negara-negara lain.

25 Jun 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa mulai 1 Julai 2010, broker elektronik asing akan dibenarkan untuk menyediakan platform pembrokeran secara elektronik bagi urus niaga borong antara bank dalam pasaran pertukaran asing Malaysia. Inisiatif ini bertujuan menarik lebih ramai penyertaan baharu dalam pasaran pertukaran asing bagi menjadikan pasaran tersebut lebih dinamik dan berdaya saing.

29 Jun 2010

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia memutuskan bahawa ta'widh atau ganti rugi boleh dikenakan bagi kelewatan pembayaran obligasi kewangan hasil daripada akad pertukaran (seperti jual beli dan sewa beli) dan qard (hutang). Walau bagaimanapun, ta'widh hanya boleh dikenakan selepas tamat tempoh pelunasan hutang seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak. Jumlah ta'widh yang diterima boleh diambil kira sebagai pendapatan atas dasar ganti rugi bagi kerugian sebenar yang ditanggung. Di samping itu, bagi memelihara kepentingan umum serta memastikan keadilan kepada pembiaya dan pelanggan institusi kewangan Islam, MPS juga memutuskan bahawa institusi perbankan Islam dikehendaki memberikan ibra' (rebat) kepada pelanggan yang melunaskan hutang lebih awal bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli (seperti bai' bithaman ajil atau murabahah).

30 Jun 2010

Dr. Zeti menerima Anugerah Visi Asia daripada Official Monetary and Financial Institutions Forum (OMFIF) sebagai mengiktiraf kecemerlangan kepimpinan dan kepakaran beliau dalam bidang ekonomi sepanjang 10 tahun yang lalu. Dalam ucapan semasa menerima anugerah tersebut, Gabenor menyatakan bahawa ekonomi global sedang mengalami perubahan yang ketara dan penting dengan rantau Asia kini muncul sebagai pusat pertumbuhan yang utama. Tambah beliau, sambil Asia menjadi sumber permintaan yang semakin penting dan dengan bertambahnya kesepaduan kewangan Asia dengan seluruh dunia, pentas telah tersedia buat Asia untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam ekonomi global. Beliau turut menambah bahawa dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan global yang seimbang dan kestabilan kewangan, Asia berpotensi menjadi platform kerjasama yang bermakna ke arah mencapai penyelesaian dan kemajuan global yang mapan.